

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid III
1997

Bil. 19

Hari Isnin

28 April

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

(Ruangan

)

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997

(Ruangan

)

Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997

(Ruangan

PARLIMEN KESEMBILAN

PENYATA RASMI PARLIMEN

Penggal Yang Ketiga

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S.
(Mukah)

- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan,
D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S.
(Titivangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik
Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui,
P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir,
D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo
Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku
Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter
Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C.
(Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P.,
.D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N.,
J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah)

- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K.,
J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad,
D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin
Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam,
D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’
S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik
(Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

Yang Berhormat Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)

- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
Yang Berhormat Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

Yang Berhormat Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

Yang Berhormat Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

“ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 28hb. April, 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

LEBUHRAYA IPOH-FALIM - PEMBINAAN

1. **Tuan Chang Kon You [Ipoh Timur]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada di bawah Rancangan Malaysia Ke-7, lebuh raya dari Lapangan Terbang Ipoh ke Falim, Perak akan dibina. Jika ia, bila. Jika tidak, mengapa.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebuh raya dari Lapangan Terbang Ipoh ke Falim merupakan sebahagian dari projek Lebuh raya Ipoh-Lumut iaitu Pakej 4 projek berkenaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pakej ini tertanggung oleh kerana rekabentuk yang telah disiapkan pada tahun 1986 perlu dikaji semula bagi menepati keperluan semasa.

Di samping itu, peruntukan bagi pelaksanaan Pakej 4 ini akan dipohon di bawah Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-7 tahun hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat
Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria.

[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria

[Jerantut] tidak hadir]

TUDM DAN TLDM - KELENGKAPAN PESAWAT DAN KAPAL

3. Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam] minta Menteri Pertahanan menyatakan:-

- (a) apakah usaha kementeriannya dalam pelengkapan pesawat TUDM dan kapal-kapal TLDM untuk menghadapi cabaran zaman teknologi dalam bidang pertahanan; dan
- (b) apakah usaha kementeriannya dalam menarik minat rakyat Malaysia menyertai perkhidmatan TUDM, TLDM dan Tentera Darat DiRaja Malaysia.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam kelengkapan pesawat TUDM dan kapal-kapal TLDM, kebanyakan pesawat-pesawat TUDM adalah baru dan telah sedia dilengkapi dengan teknologi termoden. Di masa yang sama, beberapa pesawat lama TUDM yang masih digunakan telah menjalani baik pulih, refurbish, dengan izin, dan dilengkapi dengan sistem avionic dan persenjataan moden.

Perkara yang sama juga dilaksanakan terhadap kelengkapan kapal-kapal TLDM. TLDM mempunyai program tertentu seperti, dengan izin, Service Life Extension Programme (SLEP), yang menentukan kapal-kapal dan kelengkapan TLDM sentiasa mempunyai keupayaan tinggi setiap masa.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menarik minat rakyat Malaysia untuk berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Malaysia adalah satu cabaran bagi ATM masa kini dan dijangka berterusan di masa yang akan datang. Dalam keadaan ekonomi negara yang mampan sekarang, rakyat Malaysia mempunyai banyak pilihan kerja lain yang lebih menarik. Bagi menentukan ATM boleh menarik rakyat Malaysia untuk berkhidmat maka beberapa usaha sedang dijalankan. Dalam perkara ini, ATM haruslah mempunyai ciri-ciri daya saing dan rancangan pembangunan tenaga manusia yang mampu bertahan walaupun apa suasana di luar. Antara usaha yang sedang dilaksanakan adalah memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan ATM, memperbaharui insentif dan meningkatkan kemudahan serta fasiliti yang sedia ada di dalam ATM.

Che Ibrahim bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah falsafah dan halatuju ketahanan negara kita dalam situasi masa kini di mana bilangan anggota tentera kita lebih banyak terkorban dalam kemalangan berbanding dalam pertempuran?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar mengatakan bahawasanya ramai anggota kita terkorban disebabkan kemalangan yang mana ini adalah perkara yang biasa yang berlaku kepada semua perkhidmatan dalam mana-mana kementerian ataupun agensi mahupun di peringkat swasta.

Cuma yang nampaknya banyak ataupun hebat oleh kerana ia melibatkan kapal terbang khususnya yang selalu mendapat berita yang agak sensasi juga, tetapi kalau dibandingkan dengan lain-lain negara, jumlah ataupun peratusan kemalangan yang melibatkan kapal-kapal TUDM itu adalah lebih kurang sama sahaja dengan apa yang berlaku di lain-lain tempat. Tetapi jika ia berlaku di lain-lain tempat, kita tidak ambil perhatian sangat, tetapi kita adalah sebuah negara yang begitu prihatin terhadap kepentingan negara, warganegara, tentera dan sebagainya maka ia kadangkalanya kita 'over synalised' sedikit.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan berlakunya banyak kemalangan berkenaan dengan helikopter Nuri, adakah Kementerian Pertahanan mengambil sesuatu tindakan atau

rancangan untuk mengatasi masalah ini dari segi perlengkapan dan juga dari segi latihan untuk TUDM.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, Nuri ini walaupun telah lama beroperasi di negara kita antara 15, 20 atau 30 tahun, tetapi pesawat-pesawat Nuri itu sentiasa di upgrade ataupun dibaikpulih dari semasa ke semasa dan ia masih lagi boleh digunakan dengan sempurna mengikut kehendak TUDM dan ATM khususnya.

Di samping itu juga, kita pastikan yang peralatan mencukupi dan latihan yang tertentu khususnya kepada mereka yang bakal menjadi juruterbang, mereka yang mengendalikan servis dan maintenance kepada pesawat-pesawat itu sentiasa mendapat perhatian dan latihan yang secukup-cukupnya.

Tetapi yang kita tidak dapat elak ialah faktor yang mana kemalangan yang berlaku itu boleh dikatakan lebih daripada 50% adalah disebabkan oleh kesilapan manusia, itu sebab mengapa latihan perlu dipertingkatkan. Dan ini adalah satu program yang berterusan. Mudah-mudahan dengan peningkatan latihan yang lebih intensif dan komprehensif mungkin kemalangan yang disebabkan oleh kesilapan manusia itu akan dapat dielakkan.

Di samping itu, lain-lain punca seperti sebab teknikal, kita perlu pertingkatkan dari semasa ke semasa dengan memastikan alat ganti semuanya up-to-date dan sesuai dengan keperluan pesawat sedemikian serta juga ada yang disebabkan oleh cuaca yang tidak sesuai. Itu juga kita harus ambil kira yang

mana kalaulah cuaca itu tidak sesuai untuk kita terbangkan pesawat kita, maka kita harapkan pihak juruterbang dan pihak yang bertanggungjawab akan lebih berhati-hati dan tidak mengambil risiko yang tinggi dengan terbang dalam cuaca yang tidak begitu baik.

PELABURAN ASING DAN TEMPATAN - IMBANGAN PERATURAN

4. Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan maklumat terkini jumlah pelaburan asing di Malaysia. Apakah langkah untuk mengimbangkan jumlah pelaburan asing dengan pelaburan rakyat Malaysia, terutama apabila projek koridor raya multimedia (MSC) dilancarkan akan memesatkan kemasukan dan pertumbuhan pelaburan asing.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato'

Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, cadangan pelaburan asing dalam projek-projek perkilangan yang diterima dari tahun 1991 hingga dua bulan pertama tahun 1997 berjumlah RM87.4 ribu juta iaitu merupakan 51.4% daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diterima sebanyak RM170 ribu juta.

Peratusan sumbangan pelaburan asing mengikut tahun telah menurun dari 64% pada tahun 1991 kepada 42% pada tahun 1996. Peraturan ini telah menurun lagi kepada 40% bagi dua bulan pertama tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ini menunjukkan bahawa walaupun pelaburan asing masih lagi penting dan terus digalakkan untuk membangunkan sektor perkilangan, pelaburan tempatan telah menjadi semakin cergas dan

berupaya mengimbangi bahkan mengatasi pelaburan asing dari segi peratusan sumbangan kepada keseluruhan pelaburan terutamanya pada beberapa tahun kebelakangan ini.

Kerajaan yakin sumbangan pelaburan tempatan akan dapat dipertingkatkan secara keseluruhan walaupun usaha menarik pelaburan asing akan diteruskan khususnya untuk bidang-bidang tertentu dan strategik termasuk projek Koridor Raya Multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, imbalan peratusan pelaburan asing dan pelaburan tempatan dijangka tidak akan terjejas dengan adanya projek MSC dan ini adalah berdasarkan kepada beberapa faktor.

- (i) MSC hanya merupakan satu daripada pelbagai program memajukan industri. Di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua, kerajaan akan membangunkan sejumlah lapangan kumpulan industri di bawah pendekatan pembangunan industri berkelompok di mana penglibatan meluas pelaburan tempatan akan diberi tumpuan;
- (ii) walaupun MSC akan banyak melibatkan pelaburan asing terutamanya di peringkat permulaan, peluang untuk melabur tempatan terlibat bersama adalah luas, umpamanya dalam bidang pembangunan perisian komputer dan perkhidmatan sokongan yang lain. Melalui strategi rantaian pengeluaran dan perkongsian teknologi, pelabur tempatan pada jangka masa sederhana dan panjang akan dapat meningkatkan pelaburan dan penglibatan mereka dalam projek berkenaan.

- (iii) melalui program rantaian industri perbadanan pembangunan Industri Kecil dan Sederhana akan mengambil inisiatif mewujudkan lebih banyak peluang bagi Industri Kecil dan Sederhana mengeluarkan barangan komponen untuk syarikat-syarikat pengeluar besar, termasuk mereka yang beroperasi di MSC; dan
- (iv) usaha untuk memupuk dan mengembangkan syarikat-syarikat besar yang dimiliki oleh rakyat Malaysia akan terus digalakkan, misalnya melalui projek usaha sama dan perkongsian teknologi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini kita dapat lihat bahawa keadaan pasaran saham telah begitu menurun dan tidak stabil disebabkan oleh mungkin laporan-laporan ataupun peraturan-peraturan baru yang telah diumumkan oleh Gabenor Bank Negara. Saya ingin tahu sama ada pihak kementerian dapat mengenal pasti tentang adakah pelaburan akan masih bertambah setelah peraturan-peraturan tersebut dikeluarkan kerana didapati kebanyakan fund-fund manager telah lari keluar. Jadi, mungkin ini akan menjadi satu sebaran yang tidak sihat kepada pelabur-pelabur asing untuk melabur di dalam negara kita ini. Dan adakah kementerian sedar bahawa kenyataan Gabenor Bank Negara itu telah membabitkan banyak pelabur dan pengusaha menghadapi masalah?

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tiada komen kerana itu arahan atau circular yang dibuat oleh Gabenor Bank Negara sama ada ia adalah satu faktor yang mengakibatkan saham-saham Bursa Saham Kuala Lumpur itu menurun.

Berkenaan dengan fund manager yang keluar daripada Malaysia ini, fund manager selalunya tidak kena-mengena dengan pelabur perindustrian, sebab pelabur-pelabur dalam perindustrian ini selalunya bukan orang yang terlibat dalam fund manager itu. Ini two different set of people, dua jenis orang. Pelabur-pelabur di dalam perkilangan ini merupakan pelabur yang lebih mementingkan pelaburan secara jangka panjang dan produktiviti, melainkan fund manager itu ada dasar-dasar dan strategi-strategi tersendiri yang berlainan dengan pelabur perindustrian.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya ingin tahu adakah peningkatan perimbangan antara pelaburan

tempatan dengan pelaburan asing disebabkan peningkatan pesat pelaburan tempatan ataupun kerana pelabur asing meninggalkan negara kita sepertimana yang berlaku pada tahun lalu. Di samping itu, dari segi jangka panjang dalam 10 tahun kebelakangan yang akan datang ini, apakah dasar kerajaan dari segi perimbangan antara pelaburan asing dengan pelaburan tempatan, berapa banyakkah nisbah yang hendak dicapai oleh kerajaan?

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan yang kedua dahulu. Nisbah pelabur asing dengan nisbah pelaburan tempatan pada jangka panjang adalah 40% hingga 60%.

Berkenaan dengan sama ada ini meningkat atau menurun, ini pada angka yang saya ada ini, trendnya adalah meningkat dari masa ke semasa. Umpamanya pada tahun 1991, kita meluluskan projek kepada pelabur asing RM17 bilion; tahun 1992 - RM17.7 bilion; tahun 1993 menurun menjadi RM6 bilion; tahun 1994 - RM11 bilion; tahun 1995 - RM6 bilion, tetapi sekarang tahun 1996 meningkat menjadi RM17 bilion balik.

Kepada tempatan, tahun 1991 - RM13 bilion; tahun 1992 - RM10 bilion; tahun 1993 - RM7 bilion; tahun 1994 - RM11 bilion; tahun 1995 - RM11 bilion; tahun 1996 - RM17 bilion. Ini adalah pada tahun 1996 sampai sekarang ini menunjukkan trend meningkat.

PROJEK USAHA SAMA PETRONAS DAN IRAN - PERKEMBANGAN

5. Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian] minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) perkembangan projek-projek usaha sama di antara Petronas dan Iran; dan
- (b) benarkah ada kontrak-kontrak dibatalkan atau tergendala pelaksanaannya. Jika ada, sila nyatakan butir-butirnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul

Aziz]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Petronas melalui anak syarikatnya Petronas Carigali Sdn. Bhd. bersama-sama dengan Total, sebuah syarikat minyak Perancis sedang melaksanakan projek pembangunan lapangan minyak Sirri di luar pantai selatan Telok Parsi, Iran. Pengeluaran minyak mentah dijangkakan bermula pada awal tahun 1998. Petronas mempunyai kepentingan sebanyak 30% untuk projek Sirri ini di mana Total merupakan operatornya. Buat masa ini Petronas juga

sedang meneliti dan membuat kajian mengenai peluang-peluang meningkatkan penglibatannya dalam projek-projek minyak dan gas di Iran.

- (b) Sehingga kini tidak ada projek yang melibatkan Petronas di Iran dibatalkan atau tergendala pelaksanaannya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah Kerajaan Malaysia menghadapi perjanjian De' Amato iaitu menyekat pelaburan yang berjumlah lebih RM40 juta ke Iran ataupun yang cuba disekat di Burma, yang di Burma tidak masuklah. Jadi, bagaimana Malaysia menghadapi tindakan Amerika Syarikat dari segi memboikot satu-satu yang telah dibuat seperti perjanjian De' Amato?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ialah sebuah negara yang merdeka dan bebas dan kita merupakan sebuah negara yang berdagang. Oleh kerana itu, segala apa hubungan perdagangan kita dengan sesebuah negara itu adalah diasaskan kepada dasar luar negara kita sendiri dan mana-mana negara yang lain mengeluarkan sekatan, kalau ianya tidak diluluskan oleh Bangsa-bangsa Bersatu, ianya tidak ada kesan terhadap hubungan perdagangan dua hala antara Malaysia dengan negara asing.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut rekod yang ada di pihak Jabatan Perdana Menteri, sebagai menggalakkan promosi di negara-negara Islam, adakah Kerajaan Iran pernah melabur di Kerajaan Kelantan pimpinan PAS ataupun Kerajaan PAS melabur di Iran seperti yang didakwa-dakwa selama ini?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak adalah.

[Ketawa]

SEWA TELEFON DI KAWASAN LUAR BANDAR SARAWAK - KADAR BERBEZA

6. Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada benar bahawa sewa bulanan telefon di kawasan luar bandar di Sarawak adalah berbeza, jika benar, kenapa dan mungkin dapatkah mengenakan pada kadar bayaran yang sama.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, caj sewaan bagi talian ibusawat terus bagi Semenanjung Sabah dan Sarawak adalah diperuntukkan di

bawah Peraturan-Peraturan Telefon 1996. Caj ini dikenakan mengikut kapasiti talian ibusawat seperti berikut:

Bagi Semenanjung Malaysia:

- (i) Kapasiti talian ibusawat yang melebihi 500 talian:
 - kadar bagi perniagaan RM30 sebulan;
 - kadar bagi kediaman RM20 sebulan.
- (ii) 500 talian dan kurang daripadanya:
 - bagi perniagaan RM20 sebulan;
 - bagi kediaman RM13 sebulan.

Bagi Sabah dan Sarawak:

- (i) Melebihi kapasiti 500 talian:
 - kadar perniagaan RM30 sebulan;
 - kadar kediaman RM20 sebulan.
- (ii) 500 talian dan kurang daripadanya:
 - bagi perniagaan RM20; dan
 - bagi kediaman RM13.

Perbezaan adalah berdasarkan kepada kapasiti talian ibusawat dan jenis kegunaannya. Ianya berbeza untuk menggalakkan pembangunan di kawasan luar bandar. Caj sewaan RM13 sebulan yang dikenakan adalah lebih rendah dan di bawah kos yang sebenar.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Datuk Menteri, pada masa sekarang berapa peratusan rakyat tinggal di luar bandar mendapat khidmat telefon dan bilakah semua penduduk di luar bandar mendapat khidmat telefon?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengikut angka yang kita ada di negara kita ini, dilihat telephone penetration rate, dengan izin, di seluruh negara sekarang ialah kira-kira 200 telefon dalam 100 penduduk. Rancangan kerajaan ialah dalam tahun 2000, tidak kurang daripada 25 telefon untuk 100 penduduk di negara kita ini. Walaupun demikian, bagi penduduk di luar bandar, memanglah angka ini ada berkurangan lagi dari itu. Sekarang kalau tidak silap saya, angka kita

ialah kira-kira 7 telefon dalam 100 penduduk dan rancangan kerajaan untuk mendapati 12 sehingga 15 telefon dalam 100 penduduk bagi luar bandar dalam tahun 2000.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah rancangan kementerian untuk memperluaskan perkhidmatan telefon RILL di Sarawak?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, satu dari jenis teknologi yang boleh mendukung kita untuk mempercepatkan perluasan rangkaian telefon ke kawasan luar bandar ialah untuk memperkenalkan, apa yang disebutkan, Radio In the Local Look atau RILL. Rancangan telah pun disusun untuk menentukan pembinaan RILL system di merata tempat di seluruh negara kita ini, termasuk juga di negeri Sarawak, bahkan peruntukan sehingga RM20 juta sudah pun diagihkan bagi RILL projek bagi Sarawak dalam tahun akan datang.

TOL JALAN KUCHING - MEMANSUHKAN

7. **Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kontrak dibuat untuk selanjutnya dan menaikkan kadar tol di Jalan Kuching, setelah kontrak lama sudah ditamatkan pada Januari 1996. Sila nyatakan jika kontrak baru itu belum dibuat, kenapa kutipan tol di plaza Jalan Kuching tidak dimansuhkan serta-merta setelah tempoh kontrak yang lalu ditamatkan pada Januari 1996. Jika kontrak baru sudah dibuat nyatakan butir-butir bila ianya dibuat, kadar tol yang dikutip dan tempoh kutipan dibuat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengikut perjanjian konsesi yang telah ditandatangani di antara kerajaan dengan syarikat konsesi pada 15 April 1985, tempoh konsesi asal bagi projek penswastan jalan tol Jalan Kuching sepatutnya tamat pada 7 Januari 1996. Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan bahawa tempoh konsesi jalan tol Jalan Kuching ini telah dilanjutkan disebabkan kerajaan telah mengarahkan syarikat konsesi untuk melaksanakan kerja-kerja tambahan di luar skop asal konsesi.

Kos perbelanjaan terlibat didahulukan oleh syarikat konsesi. Oleh itu, perlanjutan tempoh konsesi ini bertujuan untuk mengimbuh kembali kepada syarikat konsesi ke atas perbelanjaan yang dikeluarkan untuk menjalankan kerja-kerja tambahan, selaras dengan peruntukan Artikel 38 Perjanjian Konsesi. Mengikut artikel ini, kerajaan boleh mengarahkan syarikat konsesi melaksanakan kerja-kerja tambahan di luar skop konsesi asal. Syarikat konsesi tidak akan diimbuh secara langsung melalui pembayaran wang tunai, akan tetapi melalui perlanjutan tempoh konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membuat keputusan supaya tempoh konsesi asal dilanjutkan selama tujuh tahun bagi membolehkan syarikat konsesi mendapat kembali perbelanjaan yang telah dikenakan bagi melaksanakan kerja-kerja tambahan tersebut. Ini bermakna, tempoh konsesi

akan tamat pada 7hb. Januari 2007. Tiada kontrak baru dibuat mengenai perlanjutan konsesi selama tujuh tahun.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan hanya melanjutkan tempoh konsesi dan tidak membenarkan sebarang kenaikan tol, kadar tol masih seperti berikut. Kelas kenderaan iaitu kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda - 50 sen kadar tol; dan kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima roda atau lebih - RM1.

Tuan Liew Ah Kim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menghuraikan apakah justifikasi ataupun sebab-sebab untuk menetapkan tempoh kutipan ataupun kadar tol? Ada yang 9 tahun, 15 tahun, 30 tahun, misal kata di Lebuhraya Utara-Selatan 30 tahun lebih. Apakah justifikasinya untuk menetapkan tempohnya, *[Disampuk]* ataupun kadar tol itu dikutip dan juga adakah faktor.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Liew Ah Kim:.....bebanan rakyat itu diambil kira.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Biasanya soalan tambahan satu sahaja.

Tuan Liew Ah Kim:ketika menguruskan surat perjanjian. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Soalan tambahan Yang Berhormat nampaknya tiga, Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Satu sahajalah, itu bahagianlah. *[Ketawa]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak pertama yang telah dibuat perjanjian di antara kontrak kerajaan dengan syarikat konsesi itu adalah untuk membina sebuah jambatan bertingkat iaitu tiga tingkat di bulatan Kampung Batu bersama-sama dengan jalan dua hala empat lorong. Untuk itu kita bagi tempoh masa seperti apa yang saya jelaskan tadi.

Selepas itu ada juga permintaan daripada kerajaan untuk membesarkan jalan itu sebagai enam lorong, bukan tiga lorong lagi. Enam lorong di mana beberapa jambatan telah dibina semula dan juga kita telah memberi ganti rugi kepada syarikat oleh kerana syarikat meminjam RM100 juta daripada Swiss Bank. Apabila sahaja mereka dapat pinjaman Bank Negara meminta mereka menukar wang itu dalam wang negara kita tetapi syarikat itu suka juga menyimpan wang itu dalam Swiss currency, tetapi

atas arahan mereka rugi lebih kurang dalam RM26 juta, jadi kita bayar RM26 juta sebagai gantirugi kepada projek.

Jadinya campur dua ini, kita kena bagi masa konsesi yang lebih daripada apa yang kita tetapkan seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, 30 tahun untuk Lebuhraya Utara-Selatan selain daripada Jalan Kuching. Jalan Kuching itu tempoh sekarang pun sudah lebih kurang kita selesai satu tahun setengah, saya percaya ada lagi empat setengah tahun lagi. Walau bagaimanapun, suka saya mengumumkan, ini bukan berertinya dalam tempoh empat setengah tahun tidak ada tol lagi. Ada juga projek baru, projek baru tambah lagi 50 sen, jadi RM1 bukan 50 sen. Lebih baik saya bagi sedikit notis kepada Ahli Yang Berhormat terlebih dahulu. Terima kasih. *[Ketawa]*

**SYARIKAT BERPENGKALAN DI MALAYSIA
MELABUR DI LUAR NEGARA - BILANGAN**

8. **Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapakah jumlah syarikat yang berpangkalan di Malaysia yang melabur atau menjalankan perniagaan di luar negara sepanjang lima (5) tahun. Berapakah pula syarikat yang menghadapi masalah di luar negara terutama di Afrika, Australia dan Papua New Guinea.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Arau ini bersekali dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Larut pada 7hb. Mei, 1997 kerana soalan-soalan ini adalah berkaitan dengan perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baiklah.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 1,054 syarikat yang berpangkalan di Malaysia telah melabur di luar negara pada tahun 1996. Secara accumulative, jumlah pelaburan bagi tempoh lima tahun 1992 hingga 1996 ialah RM22,896 juta. Ini meliputi pelaburan ekuiti pemberian pinjaman dan pembelian harta tetap. Jumlah keuntungan dividen yang dibawa balik ke Malaysia pada tahun 1996 adalah RM822.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, dari maklum balas yang diterima daripada pihak swasta, hanya sebilangan kecil syarikat-syarikat Malaysia menghadapi masalah berhubung dengan pelaburan mereka di luar negara. Masalah-masalah yang dihadapi kebanyakannya adalah berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- (i) masalah yang disebabkan oleh perubahan dasar, peraturan dan undang-undang pelaburan negara asing;

- (ii) masalah negara tuan rumah menarik balik kelulusannya yang diberikan terlebih dahulu;
- (iii) kesulitan dan kelewatan mendapat kelulusan yang segera dari pihak berkuasa bagi sesuatu projek pelaburan;
- (iv) masalah yang timbul dari syarikat-syarikat pemilikan atau pemajakan tanah untuk projek pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, di Papua New Guinea, masalah utama yang dihadapi adalah berhubung dengan pemilikan tanah untuk aktiviti pembalakan kerana tanah di sana dimiliki secara adat, customary, dengan izin, manakala di Afrika pula, syarikat-syarikat Malaysia sering menghadapi kesulitan mendapatkan kelulusan awal dari agensi-agensi kerajaan negara tuan rumah berhubung dengan lesen inisiatif yang berkaitan dengan projek pelaburan. Pada masa ini tiada syarikat-syarikat Malaysia yang melaporkan masalah pelaburan mereka di Australia.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Memandangkan begitu banyak minat syarikat-syarikat yang berpangkalan di Malaysia yang melabur di luar negeri, sudah tentu telah dibawa bersama pekerja-pekerja dari Malaysia dan adakah Kementerian mempunyai apa-apa rancangan bagi membantu ataupun membuat sesuatu kebajikan kepada pekerja-pekerja kita yang bekerja di luar negeri, jika mereka menghadapi masalah umpamanya di Papua New Guinea terdapat dua syarikat besar yang melabur di Papua New Guinea iaitu Rumpun Hijau dan YTL Corporation dan bersama mereka, mereka membawa pekerja-pekerja dari Kelantan dan Sabah dan apabila mereka menghadapi masalah, apakah Kementerian dapat membantu mereka dalam menyelesaikan masalah mereka. Terima kasih.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, jika ada masalah-masalah pekerja yang timbul di Papua New Guinea, pertama ia rujukkan perkara ini kepada syarikat-syarikat Rumpun Hijau atau YTL Corporation dan seumpamanya dan mereka akan dengan sendiri mengatasi masalah itu. Jika ini tidak boleh diselesaikan, maka persoalan ini boleh dirujukkan kepada kedutaan atau Kementerian yang berkenaan dan kita akan menangani masalah ini dari peringkat nasional atau international.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada syarikat-syarikat yang melabur di Australia, bolehkah Timbalan Menteri menerangkan individu-individu pemimpin negara

yang melabur di Australia selain daripada bekas Menteri Besar Selangor sebab kita dengar khabar ada lagi menteri-menteri dan individu tertentu yang banyak melabur di Australia. Kalau tidak boleh jawab secara lisan, bolehkah jawab secara bertulis mereka yang melabur di Australia *[Ketawa]*.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini terkeluar daripada soalan pokok. Terima kasih. *[Ketawa]*

KAPSUL DARI SUMBER HALAL PADA HUKUM SYARAK - PENGGUNAAN

9. **Tuan Haji Hamzah bin Ramli [Seri Gading]** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah penggunaan bahan-bahan untuk kapsul (ubat) halal digunakan pada Hukum Syarak.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar akan keperluan penggunaan kapsul untuk ubat-ubatan dari sumber gelatin yang halal bagi orang Islam mengikut hukum syarak. Dalam hal ini Kementerian Kesihatan menetapkan bahawa semua pembekal dikehendaki memastikan ubat-ubatan dan kapsul yang dibekal untuk kegunaan di institusi di bawah pentadbiran Kementerian Kesihatan adalah dari sumber halal.

Sehubungan dengan ini pihak berkuasa kawalan dadah Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab atas pendaftaran ubat-ubatan juga mensyaratkan pengeluar dan pengimport supaya menyebutkan sumber gelatin yang digunakan pada label keluaran-keluaran berkenaan.

Tuan Haji Hamzah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bahan-bahan untuk kapsul tersebut diimport dari negeri mana dan tidakkah ada usaha dari kilang-kilang syarikat tempatan bagi mengusahakan pembuatannya bagi menjamin ianya benar-benar halal digunakan oleh orang Islam tanpa was-was?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya telah maklumkan bahawa dalam soal ini, Kementerian Kesihatan tetap menetapkan bahawa semua pembekal dikehendaki memastikan ubat-ubatan kapsul ini dibekal adalah dari sumber yang halal. Jadi, prosedur-prosedur yang telah digunakan itu adalah selaras dengan tindakan pihak berkuasa kawalan dadah supaya perkara-perkara ini akur. Jadi, tidak timbul soal perkara ini tidak diikuti.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini setakat manakah Kementerian Kesihatan memastikan bahawa audit pematuhan sepertimana kriteria yang disebutkan oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri tadi disempurnakan untuk memastikan bahawa benar-benar tidak was-was? Terima kasih.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kita harus akui bahawa tidak boleh seratus peratus kita boleh memberi jaminan bahawa ianya benar-benar patuh kerana kita sudah menyatakan bahawa yang penting ialah kita beri jaminan kepada awam bahawa ia harus datangnya daripada bekalan yang halal dan ia terpulang juga kepada 'goodwill' daripada pihak pembekal dan jika pihak awam merasa ragu tentang sumber atau bahan-bahan itu mungkin datangnya daripada sumber yang tidak halal boleh membuat laporan atau aduan dan tindakan akan diambil selanjutnya, maka jika didapati pihak pembuat ataupun pembekal tidak akur kepada syarat-syarat yang telah dikenakan, boleh digantung jualan ataupun bekalan itu.

PROGRAM RAKAN MUDA DI NEGERI SABAH - BILANGAN

10. **Tuan Paul Noutin [Panampang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:
- (a) bilangan peserta rakan muda di seluruh negeri Sabah setiap tahun dari tahun 1994 hingga 1995; dan
 - (b) sejauh manakah keberkesanan program-program yang dilangsungkan demi mencapai matlamat Rakan Muda.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sabah, Program Rakan Muda telah dapat dilaksanakan dengan baik dan memuaskan. Sejak pelancarannya pada 29hb. Oktober, 1994 hingga tahun 1996, program ini telah dapat melibatkan peserta seramai 11,000 orang untuk tahun 1994, 3,000 orang untuk tahun 1995, 6,769 orang untuk tahun 1996 dan bagi awal tahun 1997 seramai 23,950 orang peserta telah mengikuti program khususnya program khas bulan Ramadan iaitu Rakan Muda Bertadarus.

Pada keseluruhannya, bermula penghujung 1994 hingga awal 1997 seramai 62,862 peserta memohon untuk menyertai Program Rakan Muda dan daripada jumlah tersebut seramai 44,725 orang telah mengikuti program tersebut. Program Rakan Muda adalah satu program jangka panjang yang memerlukan komitmen semua pihak. Oleh yang demikian, untuk mengukur keberkesanan mengikut masa bukanlah ukuran yang terbaik. Perlu ditegaskan di sini bahawa program ini bukanlah jalan penyelesaian kepada semua gejala sosial tetapi ianya merupakan usaha yang diperkenalkan untuk menghindar kegiatan negatif daripada menular di kalangan belia sebelum ianya parah dengan memberi pilihan kepada mereka aktiviti-aktiviti yang dapat dijalankan.

Walau bagaimanapun, komitmen penganjur dan pelaksana masa kini semakin terserlah memandangkan mereka berupaya menjalankan aktiviti mengikut matlamat kurikulum dan moduli program sepertimana yang dikehendaki. Namun begitu, kementerian sentiasa membuat pemantauan dan penilaian bagi menyesuaikan dengan keperluan dan kehendak semasa terutamanya golongan belia.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada di bawah Program Rakan Muda terdapat sesuatu program khas untuk pemuda-pemudi atau pelajar-pelajar dalam golongan umur 14 hingga 17 tahun yang bermasalah ataupun terlibat dalam aktiviti-aktiviti gangsterism atau ponteng sekolah. Kalau tidak, mengapa dan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kementerian Yang Berhormat untuk membantu golongan pemuda-pemudi itu? Terima kasih.

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi bahawa masalah tentang gejala sosial adalah masalah untuk semua kita mengambil tindakan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian khususnya di bawah Program Rakan Muda telah pun memberi fokus dan nafas baru kepada program ini dengan dikhaskan kepada belia dan remaja yang berumur di antara 18 hingga 25 tahun. Kita juga mengadakan beberapa program lain seperti Bimbingan Perdana dan beberapa program yang dijalankan dengan persatuan-persatuan belia untuk menangani masalah-masalah yang telah diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kembali kepada soalan pokok awal tadi, apakah jenis-jenis program yang telah dikendalikan di peringkat negeri Sabah memandangkan kita difahamkan tidak semuanya program yang biasa dilakukan itu dapat ditawarkan di sana? Seterusnya daripada peserta-peserta yang telah disebut tadi bagi setiap tahun itu, adakah

ini merupakan peserta-peserta baru ataupun peserta yang telah dua, tiga atau empat kali menghadiri kursus, memandangkan kita dengar ada banyak yang tidak mendapat peluang kerana ada yang sudah tiga, empat kali menghadiri program?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Program Rakan Muda mendapat response yang begitu baik, pihak kementerian cuba mengadakan aktiviti untuk semua peserta yang mendaftarkan diri dengan kementerian, tetapi malangnya kita tidak dapat mengambil semua peserta untuk berulang kali menjadi peserta Program Rakan Muda. Walau bagaimanapun, tindakan sedang diambil oleh pihak kementerian supaya kita dapat menjalankan program dan aktiviti ini berulang kali dengan semua peserta yang mendaftar diri mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Chia Kwang Chye.

[Soalan No. 11 - Y.B. Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera] tidak hadir]

GEJALA DADAH - PELAN BARU SEHINGGA TAHUN 2000 BAGI MEMERANGINYA

12. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah satu pelan baru yang dikenalpasti bagi menghadapi gejala-gejala yang berkaitan dengan dadah hingga tahun 2000 dan bolehkah kerajaan terangkan selain dari zikirullah dan ibadat lain yang diamalkan di pusat-pusat pemulihan, apakah cara lain yang diamalkan bagi menyedarkan mereka dan masyarakat bahawa dadah adalah perkara yang perlu di jauhi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, dalam menangani masalah dadah negara, kerajaan telah merumuskan semula Dasar Dadah Negara dengan wawasan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas dari dadah. Untuk menghapuskan permintaan dan bekalan dadah dalam negara kita, maka empat strategi dilaksanakan melalui pencegahan, pemulihan, penguatkuasaan undang-undang dan kerjasama antarabangsa.

Bagi program pemulihan objektifnya ialah tiga iaitu mencegah seseorang dari terlibat dengan dadah, merawat dan memulihkan penagih dadah dan mencegah penagihan semula.

Selain dari input-input agama, cara-cara lain yang digunakan untuk memberikan kesedaran kepada penghuni-penghuni di pusat serenti adalah seperti berikut:

- (i) kaunseling dan bimbingan;
- (ii) latihan kemahiran dan penempatan kerja;
- (iii) pendidikan sivik dan tatanegara; dan
- (iv) integrasi semula bekas penagih ke dalam masyarakat.

Sementara itu program pencegahan terutamanya melalui aktiviti-aktiviti dan kempen-kempen kesedaran; pameran anti dadah; penerangan dan publisiti melalui media sentiasa dipergiatkan dari masa ke semasa untuk memberi

kesedaran dan meningkatkan komitmen masyarakat secara kolektif dalam memerangi masalah dadah.

Dalam usaha menyedarkan masyarakat, bahawa dadah adalah perlu di jauhi, maka penekanan telah diberi kepada strategi pencegahan. Pelbagai program/aktiviti telah dirangka dan dilaksanakan di bawah strategi berkenaan bagi tahun 1997. Penumpuan dilakukan kepada pencegahan awalan dan pencegahan umum. Ini ialah untuk meningkatkan pengetahuan generasi muda dan mereka yang belum terlibat akan bahayanya dadah.

Program pencegahan seperti tersebut di atas bertujuan menyedia generasi muda dari segi pemikiran supaya menjauhi dadah; mengubah sikap dan persepsi masyarakat dengan menonjolkan isu dadah dan membentuk suasana persekitaran yang menjadikan dadah 'jijik dan kotor'.

Antaranya melalui kempen penerangan dan publisiti dengan menggunakan media elektronik, media cetak, pameran unit bergerak, publisiti dan ceramah-ceramah diadakan.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita diberitahu ada sejenis pil yang dikira boleh menangani atau mengubati penagih-penagih dadah ini, tetapi saya lupa nama pil itu. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya sejauh manakah berkesannya pil tersebut untuk mengatasi masalah penagihan dadah ini.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pil ataupun 'Naltrexone' ini adalah sejenis ubat yang digunakan untuk membantu penagih. 'Naltrexone' ini telah pun dikaji selidik oleh pakar daripada Universiti Sains Malaysia dan didapati ianya memberi kesan yang positif untuk membantu seseorang penagih. Apa yang penting bukan ubat itu, ubat itu hanya membantu seseorang penagih supaya dia lebih tenang dan boleh mengawal diri. Seterusnya apa yang penting ialah sikap penagih itu, keyakinan penagih itu mesti ada, bukan semata-mata hanya ubat sahaja. Jadi, 'Naltrexone' itu telah pun diluluskan oleh kerajaan untuk digunakan bagi menjalankan projek-projek perintis dan keberkesanan selanjutnya akan dapat disahkan kemudian.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat yang kita ketahui masalah dadah ini begitu menyeluruh bagi seluruh Malaysia. Adakah kementerian membuat kajian mana-mana kawasan Parlimen yang bebas daripada dadah dan diberi imbuhan ataupun penghargaan dan kerajaan juga akan membuat rancangan supaya setiap kawasan Parlimen ini dibersihkan daripada dadah peringkat demi peringkat supaya keseluruhannya dapat dibersihkan atau 'diputihkan' sepertimana usaha-usaha kerajaan pada masa dahulu untuk membanteras elemen-elemen subversif dan juga komunis serta mengisytiharkan kawasan itu 'putih' satu demi satu.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tepat pada masanya kerana baru dua hari yang lalu saya pergi ke Sarawak untuk

memberikan anugerah kepada kawasan Parlimen Serian, Ahli Parlimen Serian pun ada bersama [*Tepuk*]. Kerajaan terutamanya Agensi Dadah Kebangsaan melalui satu Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan, National Drugs Information (NADI) di mana sistem ini mewajibkan semua pihak termasuk kesihatan, pendidikan, sekuriti semuanya kalau terjumpa seseorang penagih dadah, nama dan nombor kad pengenalan orang itu mesti dilapor kepada Agensi Dadah Kebangsaan dan Agensi Dadah Kebangsaan masukkan semua maklumat itu di dalam satu sistem komputer yang dinamakan NADI. Ini bukan satu tekaan atau Kementerian Dalam Negeri boleh suka-suka mengatakan yang mana ada penagih dadah dan yang mana tidak ada. Melalui sistem ini kita dapat mengenal pasti kampung yang benar-benar bersih daripada dadah atau kawasan yang bersih daripada dadah untuk beberapa tahun berturut-turut, maka kita beri anugerah iaitu ‘Kawasan Bebas Daripada Dadah’. Baru-baru ini kita telah beri anugerah kepada Serian, Sarawak dan setahu saya 12 buah kampung yang telah dikenalpasti dan 4 buah kampung ialah dari Perlis, jadi kita akan beri anugerah kemudian. [*Tepuk*] Jadi, tahniahlah! Tetapi yang menjadi masalah ialah jika kawasan itu kita beri, pemimpin-pemimpin setempat takut pula mengatakan kita bercakap begitu menggembirakan mereka, seolah-olah macam fakta itu tidak betul.

Pada hari ini saya nampak dalam *Utusan Malaysia* telah menyebutkan ada Menteri Sarawak kurang senang hati dengan kenyataan saya. Tetapi NADI

itu bukan kenyataan yang suka-suka saya buat kerana, itu adalah maklumat yang ada mempunyai bukti yang sah bahawa Sarawak merupakan negeri yang paling kurang sekali daripada dadah - itu satu fakta, tidak boleh kita nafikan.

PENKORPORATAN HOSPITAL KERAJAAN - KESAN TERHADAP RAKYAT MISKIN

13. Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru] minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bagaimana kesihatan rakyat miskin atau kurang upaya dapat dilindungi berikutan dengan pengkorporatan hospital kerajaan dan pengenalan Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan nanti; dan
- (b) sama ada kerajaan berhasrat melaksanakan Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan menurut corak KWSP di mana majikan juga dikehendaki membayar sebahagian premium pekerjaanya.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kita masih lagi mengkaji penubuhan Skim Pembiayaan, Penjagaan Kesihatan (Help Financing Scheme) dengan izin, yang sesuai bagi Malaysia termasuk Skim Pembiayaan bagi penjagaan kesihatan golongan miskin. Walau bagaimanapun, skim ini tidak akan membebankan orang ramai.
- (b) Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan menurut corak KWSP di mana majikan juga dikehendaki membayar sebahagian premium pekerjaanya merupakan satu daripada opsyen skim

pembiayaan penjagaan kesihatan yang sedang dikaji oleh kerajaan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau boleh Timbalan Menteri menjawab perlahan-lahan sedikit [*Ketawa*] saya tidak sempat hendak tangkap maksudnya - itu bukan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat kepastian daripada kementerian kerana saya faham Timbalan Menteri ini dia kerja sungguh kuat, kerana masih ada di dalam akhbar orang-orang susah yang terpaksa merayu kepada orang ramai untuk mendapat bantuan perubatan. Jadi, di manakah peranan kementerian untuk mengatasi dan menolong rakyat yang susah ini daripada mendapat bantuan rawatan. Oleh itu, apakah skim yang telah wujud ataupun mungkin skim itu ada, tetapi pihak hospital tidak diberi satu penjelasan yang baik sehinggakan mereka tidak menyampaikan bantuan kepada rakyat yang susah di segi skim perubatan percuma kerajaan ini?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang untuk menetapkan harga perubatan di pusat-pusat perubatan swasta, kerana saya dapati harganya mereka letak keterlaluan. Sungguhpun harganya tinggi tetapi ada juga skim perubatan yang mereka beri itu tidak sebegitu dengan harga yang dikenakan. Jadi soalnya, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengawal pusat-pusat perubatan swasta ini supaya caj-caj perubatan ini mengikut kadar yang ditetapkan oleh pihak kementerian?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum dalam menjamin perkhidmatan rawatan kepada orang ramai khususnya bagi yang susah, Kerajaan Malaysialah yang merupakan di antara kerajaan yang begitu progresif memberi jaminan perkhidmatan kepada semua rakyat khususnya bagi mereka yang berpendapatan rendah.

Seperti yang saya pernah sebelum ini maklumkan termasuk Yang Berhormat dari Yan bahawa semua keperluan dan rujukan haruslah dibuat di peringkat hospital tempatan untuk mendapat rujukan bagi mendapat bantuan ataupun dibebaskan daripada pembiayaan khususnya bagi mereka yang susah. Tetapi seperti yang kita sedia maklum, oleh kerana dari masa ke semasa peningkatan kos telah begitu meningkat dan kerajaan terdesak untuk memikirkan skim pilihan atau alternatif bagi menjamin supaya cadangan-cadangan skim yang akan dikemukakan itu akan melibatkan supaya kos yang dikenakan adalah mampu diurus termasuk juga perkhidmatan berkualiti yang harus terus dikekalkan dan juga mengambil kepentingan golongan miskin. Jadi, sebab itulah kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa kita buat masa ini merasakan bahawa masih tidak mendapat bantuan yang tertentu, tetapi ini mungkin disebabkan oleh soal pentadbiran ataupun rujukan-rujukan yang tidak dibuat, yang tidak membolehkan pihak yang berkenaan atau pentadbiran di hospital itu mendapat pengesahan tentang kelayakannya untuk diberi bantuan.

Kedua, berkenaan dengan sama ada pihak kementerian ada kuasa untuk mengawasi atau membuat sesuatu tindakan terhadap mereka di dalam sektor swasta, ini adalah satu perkara yang memang pihak kementerian tidak ada kuasa, kerana ini terlepas daripada bidang kuasa kementerian, lagi pun kita duduk di dalam fee enterprise. Tetapi garis-garis panduan tentang pembiayaan ini bolehlah dirujuk kepada pihak MMC, kerana mereka ada menurunkan garis panduan fee. Melalui garis panduan fee mereka, jika didapati tidak memuaskan dan sebagainya, aduan dengan rujukan-rujukan tertentu boleh dibuat ataupun kepada MMC untuk membuat semakan dan siasatan.

Seorang Ahli: MMA.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Ya MMA - minta maaf.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hospital-hospital swasta sedang bertambah semakin hari semakin banyak seperti cendawan selepas hujan. Oleh sebab fenomena tersebut itu, banyak sumber dan pakar-pakar perubatan letak jawatan di hospital-hospital kerajaan untuk bekerja di hospital-hospital swasta. Justeru itu, saya ingin tahu adakah mutu perkhidmatan di hospital-hospital kerajaan terjejas, dan sama ada kementerian Yang Berhormat bercadang mengehadakan pertambahan hospital-hospital swasta supaya orang awam, khususnya golongan miskin terus menerima perkhidmatan yang murah dan bermutu di hospital-hospital kerajaan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soal membuat pilihan untuk mendapat perkhidmatan rawatan itu adalah pilihan orang ramai. Jadi, disebabkan negara kita merupakan negara demokrasi dan membuat kemudahan-kemudahan yang boleh memenuhi semua pihak, jadi ini tidak timbul. Tetapi berkenaan dengan tindakan kementerian untuk memastikan supaya pihak swasta tidak dengan sewenang-wenangnya mewujudkan kemudahan ataupun hospital-hospital swasta, satu pembetulan ataupun amendment, dengan izin, kepada Akta Hospital Swasta akan diperkenalkan untuk membolehkan persoalan untuk meregularisasikan keperluan ataupun prosedur untuk mewujudkan

hospital swasta ini akan dikenakan supaya tidak akan berlaku kewujudan atau penubuhan hospital-hospital swasta tanpa mengambil kira tentang soal-soal density dan juga tentang soal-soal keperluan yang sebenarnya dan juga tidak menyebabkan perkara-perkara seperti pengambilan ataupun fetching, dengan izin, staff daripada hospital kerajaan.

Juga perkara-perkara seperti keperluan untuk pihak hospital swasta ini jika mereka ingin mewujudkan perlu juga mengambil kira tentang keperluan tenaga manusia dan ini akan diperkemas di dalam amendment dalam Akta Hospital Swasta yang akan diperkenalkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Jacob Dungau Sagan.

[Soalan No. 14. - Y.B. Tuan Jacob Dungau Sagan tidak hadir]

MENDAKI GUNUNG - PENYEDIAAN KEMUDAHAN REKREASI

15. **Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail [Bagan Serai]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan adakah beliau sedar bahawa sekarang makin ramai belia dan orang dewasa menyertai XPDC dan rekreasi mendaki gunung. Apakah usaha-usaha yang dibuat untuk:

- (a) mengadakan kemudahan toilet, bilik mandi, binaan untuk berteduh; dan
- (b) membaiki tanda-tanda kemuncak gunung yang sudah rosak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato'

Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar bahawa pada masa ini semakin ramai belia dan orang dewasa berminat untuk menyertai ekspedisi dan rekreasi mendaki gunung dan menjelajahi gua-gua dan sungai-sungai di negara ini. Perkembangan ini adalah sejajar dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan rakyat Malaysia melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan sukan dan rekreasi yang dapat memberi manfaat terutama dari segi kesihatan serta meningkatkan kesedaran dan penghayatan para peserta terhadap keindahan alam semula jadi yang terdapat di negara kita. Di samping itu, kegiatan seperti ini akan dapat menjauhkan belia-belia dari terjerumus di dalam kegiatan-kegiatan yang kurang sihat.

Mengenai kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi menggalakkan ekspedisi, kerajaan telah memperuntukkan lebih kurang RM18.9 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh bagi

menyediakan serta meningkatkan kemudahan rekreasi dan pelancongan termasuk di kawasan gunung-gunung yang berpotensi bagi tujuan ini.

Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan ialah seperti membina jalan-jalan masuk, laluan berjalan kaki, tempat letak kereta, tandas awam, kemudahan tempat rehat, gerai penjaja, pusat penerangan pelancongan, tapak-tapak perkhemahan dan perkelahan dan look out tower, laluan mendaki hutan, kerja-kerja landskap dan sebagainya.

Di samping itu, kementerian juga telah meminta kerajaan-kerajaan negeri untuk mengambil tindakan untuk menggantikan semua papan tanda yang sudah usang atau rosak dan membina papan tanda baru di kawasan-kawasan berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 11, 14 dan 16 hingga 50 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 1995; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG TAFSIRAN (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta-akta Tafsiran 1948 dan 1967 untuk mengesahkan perbuatan yang dilakukan menurut peruntukan akta-akta itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGGALAKAN PELABURAN (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[24hb. April, 1997]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta sambung.

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato’ Kerk Choo Ting]:
Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tambun, Tanjong dan Bukit Bendera telah

menyentuh mengenai usaha-usaha kerajaan bagi menggalakkan pelabur-pelabur asing melabur di dalam kawasan Koridor Raya Multimedia. Kerajaan memang berusaha bukan sahaja bagi menarik syarikat-syarikat multimedia asing beroperasi di dalam kawasan Koridor Raya Multimedia tersebut, tetapi juga supaya mereka terus kekal di Malaysia selepas tempoh insentif yang diberikan. Di samping insentif dalam rang undang-undang ini, syarikat-syarikat multimedia yang layak boleh juga diberikan beberapa insentif bagi pelaburan tambahan untuk tujuan pembesaran operasi syarikat dan juga insentif pusingan kali kedua atau dengan izin, second round incentive.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Klang dan Yan turut menanyakan mengenai pembangunan industri kecil dan sederhana. Untuk makluman, menurut bancian IKS yang telah dilakukan dalam tahun 1994 sebanyak 11,855 syarikat IKS yang sedang beroperasi telah direkodkan. Kira-kira 80% daripada syarikat IKS tersebut bergiat dalam sektor perkilangan yang meliputi bidang makanan dan minuman, keluaran besi dan keluli serta keluaran kayu dan barangan kayu. Kira-kira 20% daripada syarikat IKS di Malaysia mengeksport hasil keluarannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan oleh Yang Berhormat dari Yan bagi menubuhkan food industry park, dengan izin. MITI sentiasa memberi sokongan terhadap cadangan seperti ini, kerana ianya selaras dengan strategi-strategi di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua yang juga menekankan industri makanan sebagai satu industri yang akan dimajukan. Di antara teras strategik yang telah digariskan ialah

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, Yan bangun.

Dato' Kerk Choo Ting: Biarlah saya habiskan rangkap ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay.

Dato' Kerk Choo Ting: Di antara teras strategi yang telah digariskan ialah menempatkan Malaysia sebagai pusat makanan halal antarabangsa, menggalakkan pengeluaran produk ternakan di zon tertentu dan memperbaiki perkhidmatan asas ekonomi utama untuk memantapkan lagi pembangunan industri makanan di masa hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah kerajaan juga akan memberi insentif tax holiday kepada pelabur-pelabur di dalam industri makanan. Saya amat tertarik tentang pelaburan industri makanan halal ini, jadi adakah pihak kementerian juga akan mengadakan garis panduan supaya industri-industri keluaran makanan halal ini sebenarnya halal daripada proses hinggalah ke pihak enduser?

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, insentif-insentif akan diberikan kepada perindustrian makanan dan minuman sekiranya ia memenuhi keperluan atau kehendak syarat-syarat yang ditetapkan oleh MITI. Bukan sebarang perindustrian makanan dan minuman akan diberi insentif jikalau teknologi yang terlibat itu adalah teknologi yang tidak cukup canggih. Sekiranya perindustri itu memenuhi teknologi yang lebih tinggi, maka insentif ini akan diberi bukan kepada syarikat-syarikat yang besar, tetapi juga kepada syarikat-syarikat IKS.

Berkenaan dengan garis panduan halal, ini sudah ditetapkan oleh Jabatan Agama di bawah Jabatan Perdana Menteri. Garis panduan ada di sana. Jadi, sesiapa yang ingin mengeluarkan makanan yang halal, oleh rujukkan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pemindahan teknologi turut dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam dan Yan. Kerajaan mengambil berat mengenai isu ini supaya syarikat asing terus memindahkan teknologi kepada syarikat dan juga pekerja tempatan. Untuk makluman, dalam program rantaian industri, dengan izin, industrial linkage programme syarikat-syarikat antarabangsa akan dikenal pasti untuk menyertai program ini, di mana komponen dan barang perantaraan kegunaan mereka dibekalkan oleh syarikat-syarikat IKS tempatan.

Mengenai cadangan supaya pelajar-pelajar dalam jurusan sains ditambahkan, kerajaan memang sedang mempertingkatkan jumlah pelajar-pelajar jurusan sains. Kerajaan juga menggalakkan rakyat tempatan di luar negara yang mempunyai kepakaran pulang ke Malaysia bagi meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Di samping itu, Tabung Intestification of Research In Priority Area (IRPA) telah pun ditubuhkan bagi membantu, membiayai aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, turut menyarankan agar kerajaan menggalakkan pelabur-pelabur tempatan melabur dalam kawasan kerjasama serantau. MITI memang menyokong cadangan seperti ini di dalam kawasan kerjasama serantau seperti kerjasama segi tiga. Cadangan tersebut adalah selaras dengan persetujuan yang tercapai di bawah kerjasama Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle, Indonesia-Malaysia-Singapura Growth Triangle dan Brunei-Indonesia-Filipina-Malaysia-East-Asia Growth Triangle.

Tuan Yang di-Pertua, MITI mengambil maklum kepada semua cadangan dan teguran yang telah dikemukakan oleh wakil-wakil dari Kota Melaka, Tuaran, Tambun, Kepong, Tanjong, Ledang, Bukit Mertajam, Yan dan Bukit Bendera, yang meliputi perkara-perkara yang berkaitan usaha-usaha meningkatkan pelaburan asing di Malaysia, latihan-latihan untuk industri, keperluan untuk meningkatkan penyelidikan dan pembangunan, pemindahan teknologi tinggi, meningkatkan pengeluaran industri makanan dan ternakan, meningkatkan tahap memperkukuhkan IKS dan lain-lain.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, banyak isu yang telah dibangkitkan dan dibincangkan di antara MITI dengan wakil-wakil persatuan industri dan pertubuhan-pertubuhan perdagangan asing di dalam majlis dialog tahunan MITI 1997. Di antara isu-isu yang dikemukakan dalam dialog tahunan MITI 1997 termasuklah isu kesesakan lalu lintas, kenaikan tarif elektrik dan bayaran kualiti alam yang tinggi.

Memandangkan isu-isu tersebut adalah di luar bidang tugas MITI, isu-isu berkenaan telah pun dikemukakan kepada kementerian dan jabatan berkaitan untuk tindakan. Di samping itu, semua isu dan cadangan di dalam majlis dialog MITI 1997 tersebut akan dikemukakan untuk perhatian Kabinet sebagaimana yang telah dilakukan pada tahun-tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi ke atas semua ahli yang telah membahaskan rang undang-undang ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi soal jawab tadi saya tidak sempat bertanyakan satu soalan iaitu berkenaan dengan MoU. Kita dapati, Tuan Yang di-Pertua, banyak pembesar negara asing yang datang ke Malaysia, yang melawat ke Malaysia dan kita dapat lihat ada juga perjanjian perdagangan ditandatangani di antara pelabur luar dengan kerajaan Malaysia dan ada juga ditandatangani di antara pelabur-pelabur dengan pelabur-pelabur Malaysia.

Jadi sejauh manakah MoU itu berkesan dan adakah pihak kementerian juga memastikan bahawa negara-negara tersebut membuat follow-up ke atas perjanjian MoU perdagangan di antara negara-negara tersebut dengan Malaysia. Di samping itu juga sama juga Tuan Yang di-Pertua, iaitu dengan tandatangan MoU di antara pelabur-pelabur Malaysia dengan negara-negara luar yang selalunya kadang-kadang apabila mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mungkin dengan menteri sendiri, jadi sejauh manakah MoU ini berkesan? Dan adakah pihak MITI terlebih dahulu membuat kajian ke atas MoU-MoU sama ada MATRADE juga membuat kajian ke atas MoU-MoU

sebelum ditandatangani? Sama ada MoU tersebut kadang-kadang logik atau tidak atau kemungkinan atau tidak pelaburan tersebut ataupun MoU tersebut ditandatangani?

Dan yang akhirnya, adakah pihak kementerian juga menasihati pelabur-pelabur Malaysia yang melabur di luar negara tentang situasi politik dalam negara-negara tersebut dan juga tentang keselamatan dari segi pelaburan kita dengan negara-negara tersebut. Contohnya Albania di mana hari ini kita dapati bahawa pelabur-pelabur Malaysia sedang menghadapi masalah kerana berlakunya ketidakstabilan politik di negara tersebut dan mungkin juga di Kamodia yang saya tengok kalau kita baca di akhbar-akhbar ternyata bahawa ada sedikit pertelingkahan di antara Perdana Menteri Pertama dan Kedua dan kita dapati banyak pelabur Malaysia yang melabur di Kamodia. Jadi adakah pihak kementerian mengikuti peristiwa-peristiwa ini dan memberi nasihat kepada pelabur-pelabur di Malaysia? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan MoU yang ditandatangani di dalam negeri Malaysia, selalunya kita mengamalkan atau menandatangani MoU ini dengan sikap yang serius. Jadi, cuma sekumpulan kecil atau satu peratus kumpulan kecil yang tidak menunaikan apa-apa yang kita tandatangani.

Berkenaan MoU yang ditandatangani oleh syarikat pelabur-pelabur Malaysia di luar-luar negara, pada suatu ketika iaitu awal tahun 90-an, ada

sedikit syarikat-syarikat yang tidak mengambil sikap yang lebih serius. Jadi, ramai yang tidak menghasilkan apa-apa selepas MoU itu ditandatangani. Oleh sebab itu kerajaan sekarang meminta sesiapa yang ingin menandatangani MoU dengan syarikat-syarikat luar negeri ia dikehendaki mendaftarkan diri di dalam kedutaan Malaysia di negara masing-masing. Ini untuk menentukan sikap yang serius di ambil oleh sesuatu syarikat-syarikat itu.

Berkenaan dengan nasihat board seperti keadaan politik, kestabilan politik, keselamatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, di Albania atau di Kambodia, di tempat-tempat seperti ini, cuma syarikat-syarikat yang tertentu atau digalakkan oleh kerajaan menjadi syarikat perintis ‘the pioneer company’ yang memasuki negara-negara tersebut seumpama ini, seperti Albania dan Kambodia, cuma lebih kurang 10 syarikat yang melabur di sana. Jika ada apa-apa masalah maka kerajaan di peringkat nasional ini akan cuba menangani perkara ini di peringkat nasional.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli yang telah membahaskan rang undang-undang ini. Mana-mana isu yang tidak sempat saya jawab, MITI akan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG JENAYAH KOMPUTER 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.55 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berkenaan dengan penyalahgunaan komputer dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, abad ke-21 adalah merupakan suatu era penting yang akan merubah perkembangan tamadun dunia bukan sahaja dari segi gaya

hidup tetapi juga dari segi cara kita bekerja dan berurusan di antara satu sama lain. Era baru ini memberi penekanan kepada teknologi maklumat dan seperti apa yang berlaku di semua negara di dunia. Teknologi maklumat akan juga merupakan penyumbang utama di dalam pembangunan negara kita, terutama dalam meningkatkan kecekapan produktiviti dan daya saing di peringkat global.

Ekonomi negara kita tidak lagi boleh berorientasikan kepada faktor-faktor domestik sahaja seperti juga di negara-negara lain kita seharusnya beralih ke arah ekonomi digital. Justeru itu, infrastruktur aplikasi dan pembangunan industri-industri berteknologi tinggi dan yang berasaskan kepada maklumat serta pengwujudan masyarakat yang berpengetahuan dan bermaklumat adalah merupakan perkara-perkara pokok yang perlu diutarakan dalam rancangan pembangunan negara.

Sehubungan dengan itu, kerajaan memutuskan untuk melaksanakan program Koridor Raya Multimedia atau MSC sebagai inisiatif yang penting dalam langkah merubah struktur ekonomi negara daripada yang bergantung kepada pengeluaran dan eksport komoditi utama dan pembuatan kepada berteknologi tinggi dan berasaskan pengetahuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sedia maklum, bahawa MSC yang meliputi satu kawasan seluas 750 kilometer persegi iaitu dari pusat bandar Kuala Lumpur ke lapangan terbang antarabangsa KLIA yang baru termasuk Putrajaya

akan menguji teknologi-teknologi terkini dalam bidang multimedia, dan akan seterusnya menjadikan negara kita sebagai negara pelopor era informasi.

Sehubungan itu juga kita tidak harus melihat MSC sebagai satu projek, dengan izin 'in-isolation' yang tertumpu untuk kawasan yang telah ditetapkan sahaja. Sebaliknya MSC adalah merupakan suatu kawasan yang kita anggapkan sebagai test pad dalam pelaksanaan agenda IT negara, yang akan menentukan corak pembangunan seumpamanya yang akan dipanjangkan ke seluruh negara kelak.

Bagi maksud ini, MSC akan mempunyai infrastruktur telekomunikasi yang berkualiti tinggi agar dapat menyokong rangkaian multimedia, di samping menawarkan pakej-pakej tertentu bagi menarik para pelabur tempatan dan asing, khususnya syarikat-syarikat yang ternama dalam industri multimedia untuk menjadi rakan kongsi perniagaan.

Sebagai permulaannya tujuh aplikasi akan diperkenalkan di MSC iaitu:-

(i) Kerajaan Berelektronik (Elektronic Government):

Aplikasi ini adalah bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran yang berkualiti tinggi dan cekap kepada rakyat dan sektor perniagaan di samping mengurangkan kos, meningkatkan keselamatan

data dan memberi lebih banyak peluang kepada rakyat supaya dapat berinteraksi dengan kerajaan.

(ii) Kad Pelbagai Guna (Multipurpose Card):

Aplikasi ini adalah bertujuan untuk menggunakan cuma satu kad sahaja bagi segala urusan, umpamanya lesen memandu, pengenalan 'identity', urusan bank, kad kredit dan sebagainya.

(iii) Sekolah Bestari (Smart Schools):

Aplikasi ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pendidikan dan menerapkan kesedaran teknologi maklumat serta meningkatkan kualiti pendidikan keseluruhannya termasuklah proses pembelajaran, pemikiran, kreatifikal dan kreativiti.

(iv) Telemedicine:

Aplikasi ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti kesihatan rakyat Malaysia. Ini dapat dilaksanakan dengan menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan pakar-pakar perubatan serata dunia. Melalui kemudahan multimedia, ia akan disediakan di MSC. Pendekatan ini juga boleh membantu meningkatkan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, ke kawasan luar bandar, di

samping menjadikan Malaysia sebagai pusat kepakaran serantau dalam pembangunan telemedicine.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

(v) **Pusat Pemasaran Tanpa Sempadan (Borderless Marketing):**

Aplikasi ini akan membolehkan suatu rangkaian diwujudkan di antara pembekal, pengedar dan pengguna dari pelbagai negara di mana batasan biasa dalam pemasaran dapat dielakkan. Umpamanya, melalui pusat ini bahan-bahan promosi bercetak bagi barangan tertentu dalam sesuatu bahasa itu boleh diterjemahkan kepada bahasa tempatan untuk dipasarkan di sesebuah negara lain tanpa sebarang masalah;

(vi) **Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (Research and Development Cluster):**

Aplikasi ini adalah bertujuan untuk menjadikan MSC sebagai tapak ujian bagi penyelidikan dan pembangunan dalam teknologi multimedia supaya dapat menarik lebih banyak lagi syarikat-syarikat di samping membangunkan kepakaran tenaga kerja tempatan dan menggalakkan pemindahan teknologi multimedia ke Malaysia;

(vii) Rangkaian Pembuatan Global (World Wide Manufacturing Web):

Aplikasi ini contohnya akan membolehkan kerja-kerja rekabentuk yang canggih dengan bantuan komputer dilaksanakan di sesuatu tempat dan seterusnya program atau rekabentuk ini digunakan untuk tujuan pengeluaran di mana-mana negara yang mempunyai kos pengeluaran yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan supaya semua aplikasi teknologi maklumat yang canggih ini dapat dilaksanakan dengan lancarnya di MSC, adalah perlu diwujudkan undang-undang yang bersesuaian. Ke arah ini kerajaan telah mengkaji semula undang-undang berkaitan yang sedia ada dengan tujuan:-

- (i) untuk menentukan undang-undang yang sedia ada tidak menjadi penghalang kepada usaha kerajaan untuk melaksanakan pembangunan teknologi maklumat yang teratur dan mewujudkan suatu masyarakat bermaklumat; dan
- (ii) untuk menggubal undang-undang baru yang diperlukan bagi memudahkan penggunaan aplikasi-aplikasi yang telah diterangkan itu tadi.

Justeru itu, dua jenis undang-undang diperlukan. Pertama, ialah undang-undang yang bertujuan memudahkan perniagaan elektronik atau, dengan izin, commerce enabling laws dan kedua, adalah undang-undang untuk melindungi kepentingan pengguna atauun 'societo' cyber laws dan berapa undang-undang tersebut dibentangkan dalam sesi Parlimen sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam era informasi, komputer mempunyai banyak kegunaannya berbanding dengan kegunaan tradisionalnya untuk memasukkan data, melakukan analisis yang rumit, menaip dokumen dan sebagainya di mana pada kebiasaannya, penggunaan komputer adalah secara, dengan izin, stand alone atau dihubungkan di antara satu sama lain melalui rangkaian-rangkaian yang terhad.

Walau bagaimanapun, dengan ledakan teknologi maklumat di mana penggunaan tradisional komputer kini bertindih dengan sektor-sektor telekomunikasi dan hiburan. Komputer kini boleh digunakan sebagai alat berkomunikasi, bertukar-tukar data, mencipta grafik video, sebagai saluran hiburan dan sebagainya. Komputer juga kini boleh dihubungkan kepada Jaringan Internet yang membolehkan kita berkomunikasi dengan seluruh dunia.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, memandangkan komputer akan digunakan dengan lebih luas lagi di seluruh negara di masa-masa akan datang dan khususnya di MSC, maka adalah wajar satu sistem kawalan diwujudkan dalam penggunaan komputer.

Di dalam konteks kita menuju ke arah transaksi elektronik dan aplikasi multimedia melalui komputer, keselamatan program dan dengan izin, contentsnya adalah sangat penting dan harus dijaga dengan ketat. Ini adalah bertujuan untuk memelihara keyakinan dan melindungi para pengguna komputer dari sebarang keresahan sekiranya orang-orang yang tidak mempunyai kuasa mendapat akses kepada maklumat tertentu serta mengelakkan daripada berlakunya porak peranda dalam urusan penting melalui komputer.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Jenayah Komputer adalah merupakan salah satu daripada Undang-undang Siber yang diperlukan untuk menjayakan pelaksanaan MSC, di bawah Akta Jenayah Komputer peruntukan undang-undang berkaitan dengan penyalahgunaan komputer diwujudkan untuk memberi keyakinan kepada pengguna-pengguna komputer dengan mengambil kira kesalahan-kesalahan seperti berikut:-

- (i) mendapatkan capaian tanpa kuasa (unauthorised access) juga capaian termasuk melebihi kuasa (exceeding authorised access) kepada bahan-bahan yang terkandung dalam komputer;
- (ii) mendapatkan capaian tanpa kuasa kepada bahan-bahan komputer dengan tujuan untuk memudah atau melakukan lain-lain kesalahan;

- (iii) menjalankan modifikasi dan perubahan ke atas bahan-bahan komputer tanpa kuasa; dan
- (iv) melakukan komunikasi yang bersalahan (wrongfull communication).

Akta ini juga membolehkan negara kita mengambil tindakan terhadap sesuatu kesalahan yang dilakukan daripada luar Malaysia yang mempunyai kesan di dalam negeri, tidak kira sama ada orang yang melakukan kesalahan itu warganegara Malaysia atau tidak.

Peruntukan sedemikian adalah perlu untuk menghalang perlakuan jenayah oleh rakyat negara asing dari luar Malaysia di samping memberi keyakinan kepada orang ramai dan para pelabur asing tentang komitmen kita untuk mengelakkan sebarang penyalahgunaan komputer.

Pendek kata peruntukan-peruntukan Akta Jenayah Komputer mengambil kira pentingnya sesuatu program mendapat perlindungan yang secukupnya dan supaya akses hanyalah terhad kepada mereka yang mempunyai, dengan izin, authorisation sahaja.

Bagi melindungi kandungan-kandungan dan program komputer, akta ini memperuntukkan hukuman denda dan penjara yang berat sebagai fakta penghalang dan justeru memperkukuhkan keyakinan berurusan menerusi komputer adalah selamat dan dilindungi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan perhubungan dengan penyalahgunaan komputer dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

4.08 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengkalungkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana inisiatifnya memperkenalkan beberapa rang undang-undang siber, termasuklah Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997 yang kita bahaskan kali ini. Sesungguhnya daya usaha ini adalah manifestasi kepada komitmen serius kerajaan terhadap pembangunan industri multimedia bertaraf dunia di Malaysia. Daya usaha ini juga mencerminkan kesungguhan kerajaan menjadikan Serambi Raya Multimedia atau Multimedia Super Corridor, dengan izin, sebagai zon percambahan undang-undang mega maya (cyberspace) yang berwibawa di rantau ini.

Sebagai Pengerusi Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan, Parlimen Malaysia (BBC), saya amat berbangga dengan perkembangan politik tanah air dalam konteks rang undang-undang siber ini. Saya berbangga kerana kini wujud Jawatankuasa Antara Parti, Parlimen Malaysia, Mengenai Teknologi

Maklumat. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil Barisan Nasional dan juga Pembangkang sementara Tuan Yang di-Pertua sendiri adalah Penasihatnya. Penubuhan jawatankuasa ini telah pun dimaklumkan kepada Kabinet dan Perdana Menteri. Sebagaimana yang diakui oleh Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Perdana Menteri pada hari Jumaat lalu iaitu pada 25hb. April 1997, perkembangan ini adalah satu lembaran sejarah baru bagi Parlimen Malaysia.

Oleh itu, saya harap pihak Pembangkang akan menyokong semua rang undang-undang siber yang akan didebatkan di dalam sesi kali ini. Saya harap Ketua Pembangkang akan menggunakan whipnya meminta seluruh anggota Pembangkang menyokong semua rang undang-undang siber ini. Saya juga berharap, pihak Pembangkang akan menyokong seluruh rang undang-undang siber ini secara jujur dan ikhlas bukannya bertindak 'double-standard'. Saya melahirkan

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta penjelasan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tak payahlah, nanti Yang Berhormat berucap.

Saya melahirkan harapan ini kerana teknologi maklumat adalah satu perkembangan yang penting dan tidak boleh dielakkan. Teknologi maklumat

akan menjadi sebahagian dari kehidupan harian semua manusia. Jika ia dipolitikkan, semua pihak akan rugi dan semua pihak akan ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap pihak Pembangkang tidak akan menyalahgunakan kewujudan Internet dan segala kemudahan multimedia yang wujud bersama ledakan teknologi maklumat di negara ini kelak. Contohnya, jika DAP dan PAS telah pun mewujudkan homepage masing-masing, saya harap homepage itu tidak dijadikan halaman mega maya yang dipenuhi dengan maklumat-maklumat palsu ataupun subversif. Saya harap segala maklumat di homepage Pembangkang akan dipenuhi dengan 'contents' ataupun kandungan yang sihat dan positif, sejajar dengan ciri-ciri demokrasi positif yang diamalkan oleh Barisan Nasional.

Seterusnya, saya harap semoga pihak Pembangkang tidak akan mengeksploitasikan kebebasan di mega maya, the freedom in cyberspace, dengan izin, sebagai satu halaman untuk menyebarkan dakwah atau propaganda kotor terhadap kerajaan. Sebaliknya, pihak Pembangkang perlu sama-sama bertindak penuh tanggungjawab dalam hal ini. Mereka seharusnya sama-sama berganding bahu dengan kerajaan dalam urusan menangani cabaran moral yang wujud akibat kehadiran mega maya yang bebas.

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Jelutong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tak apa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak benarkan, ya!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Nantilah!

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak benarkan, Yang Berhormat, ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mega maya mewujudkan cabaran moral atau morale challenges. Harapan di atas saya lahirkan di Dewan yang mulia ini kerana mega maya atau cyberspace adalah luas, bebas dan lepas. Ia tidak mempunyai tempoh waktu dan hari. Setiap detik adalah sekarang; setiap hari, tiada esoknya; setiap arah, sama destinasiya. Sebab itulah mega maya digelar kampung jagat atau dunia tanpa batas.

Mega maya bukan milik mutlak sesiapa, bukan milik kerajaan, bukan milik Pembangkang, ia tidak berada di bawah kuasa mutlak mana-mana pihak. Ia tidak mempunyai penguatkuasa undang-undang, tiada askar, tiada polis, tiada robocop. Ini bererti, mega maya adalah milik umat seluruh sejagat. Milik manusia di bumi nyata, waima masyarakat madani, waima masyarakat jahiliah, waima masyarakat penjenayah. Sebab itu, mega maya sentiasa terdedah kepada segala kemungkinan. Semua pihak yang berupaya, cuba memilikinya, semua pihak yang berminat, cuba menguasainya.

Pada waktu yang sama, proses kehidupan warga mega maya berjalan tanpa etika, tanpa budaya dan tanpa tamadun. Perjalanan hidup warga maya juga tanpa aturan, tanpa disiplin dan tanpa undang-undang, yang wujud hanya undang-undang maya iaitu siapa kuat dialah yang kudrat.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, penting bagi semua pihak yang memahami hakikat ini untuk mewujudkan undang-undang yang difikirkan wajar untuk menangani seluruh cabaran moral yang wujud di mega maya. Sebab itulah Kerajaan Malaysia menggubal undang-undang seperti yang kita debatkan di Dewan yang mulia hari ini. Inisiatif seperti ini penting kerana sebarang karenah negatif atau kegiatan positif di mega maya adalah hasil tindakan manusia di bumi nyata.

Bagaimanapun, undang-undang sahaja tidak akan berkesan di dalam usaha menangani kebebasan di mega maya. Seperti undang-undang di dunia nyata, keberkesanan sesuatu undang-undang khusus untuk mega maya mestilah digandingi dengan etika yang pragmatik, dengan moral yang tulus, wisdom yang universal, tradisi yang positif, budaya yang sihat dan tamadun yang berwibawa di pihak pengguna serta pengamal multimedia itu sendiri.

Hakikat etika, moral, wisdom, tradisi dan budaya inilah yang melandasi perilaku seseorang individu di dalam melaksanakan peranan, tugas serta tanggungjawab masing-masing di semua bidang kehidupan dunia selama ini. Hakikat inilah yang menjadikan sesuatu undang-undang jadi berkesan. Hakikat inilah yang mendorong majoriti umat manusia memilih kebaikan dari kemungkaran. Hakikat inilah juga yang menjadikan segala bentuk jenayah di bumi nyata menjadi agak mudah untuk dibanteras. Pendek kata, sama ada mega maya akan menjadi suatu tempat yang sejahtera atau suatu tempat yang penuh dengan kejahatan atau kesongsangan adalah bergantung kepada apa yang dilakukan oleh manusia di dunia nyata. Segala-galanya di mega maya akan jadi sihat dan sejahtera sekiranya seluruh umat manusia yang menggunakan mega maya di dalam urusan perniagaan atau urusan hidup sendirian masing-masing memilih cara yang makruf. Sebaliknya, segala-galanya akan penuh kemungkaran jika umat manusia itu sendiri mengamalkan kemungkaran.

Seperti kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Jumaat lalu, sama ada maklumat yang disebarkan menerusi mega maya akan merupakan sampah atau trash ataupun merupakan ilmu dan wisdom, segala-galanya bergantung kepada umat manusia yang membekalkan maklumat itu sendiri. Sama ada pengguna-pengguna Internet akan memilih maklumat yang berupa trash ataupun maklumat yang boleh memperkayakan ilmu, akan juga bergantung kepada selera manusia, pengguna itu sendiri. Jadi, seluruh umat Malaysia wajar memahami hakikat ini. Di mega maya terdapat kebaikan dan keburukan. Terserahlah kepada kita untuk memilih mana yang baik dan mengetepikan mana yang

buruk. Untuk mampu berbuat demikian, kita perlu mempunyai tahap moral dan iman yang kukuh lagi jitu.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah hakikatnya mega maya atau cyberspace. Hakikatnya sedemikian kerana ia tidak dihuni oleh umat manusia seperti kita. Yang ada cuma warga angkasa dengan kebijaksanaan tiruan atau dengan izin, artificial intelligence rekaan manusia. Mereka bersimpang-siur mengembara di ratusan lebuhraya maklumat. Mereka adalah jaringan-jaringan dan rangkaian-rangkaian komputer yang kaku tanpa nyawa. Mereka digerakkan oleh jutaan umat manusia yang berpangkalan di merata dunia.

Rangkaian dan jaringan komputer ini hanya menghuni mega maya sejak beberapa tahun lalu, iaitu setelah kelahiran Internet pada tahun 60-an. Internet ini pula digunakan secara meluas di rata jagat setelah World Wide Web yang dicipta di Switzerland dalam tahun 1990, beroperasi sepenuhnya pada tahun 1995. Web inilah yang membolehkan penghantaran teks, grafik, video dan bunyi melalui Internet.

James Lynch mengatakan di dalam bukunya *Cyberethics*, bahawa hari ini halaman web (web sites) mercup seperti cendawan di mega maya. Contohnya, pada akhir 1966, lebih kurang 150 juta halaman web baru telah diwujudkan. Mereka digunakan oleh lebih kurang 30 juta manusia. Pengguna web ini dijangka bertambah kepada 150 juta orang pada tahun 2000. Ini mendorong jumlah web server, dengan izin, berkembang dari 120,000 pada tahun 1995 kepada 5 juta pada tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, Lynch juga menyatakan bahawa pengguna Internet pada akhir tahun 1996 adalah seramai 60 juta orang. Jumlah ini dijangka meningkat kepada 500 juta orang di tahun 2010. Sementara itu, sejumlah 100 juta unit komputer dengan 1 juta rangkaian dijangka disambungkan ke Internet pada tahun 2000. Majalah *Fortune*, Februari 1997 pula melaporkan bahawa kini terdapat sekurang-kurangnya 200 juta E-Mail mengembara di mega maya pada setiap hari. Statistik di atas membuktikan bahawa perkembangan di mega maya adalah amat pesat dan amat pantas. Mega maya yang dahulunya hanya bursa maklumat ataupun information exchange, dengan izin, kini menjadi medan perniagaan secara elektronik yang besar. Jumlah electronic commerce dijangka mencapai lebih RM375 bilion pada tahun 2000 dan dijangka meningkat kepada RM2,500 bilion pada tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mega maya kini menjadi medan komersial yang besar, sebab itulah ianya juga sentiasa diancam oleh pelbagai bentuk jenayah yang moden dan canggih. Gerombolan penjenayah ini sebenarnya beroperasi di dunia nyata. Mereka menggunakan kepakaran di bidang multimedia dan teknologi maklumat untuk mengganas di cyberspace, dengan izin. Gerombolan ini melakukan rompakan secara elektronik, menyamun secara elektronik, menipu secara elektronik, menjalankan kegiatan pengkhianatan secara elektronik. Dan melaksanakan tugas-tugas pengintipan serta espionage secara elektronik. Gerombolan ini lazimnya sekarang dikenali sebagai hackers.

Berikut adalah di antara jenayah yang popular di mega maya:

1. Pencerobohan Komputer:

Dengan menggunakan perisian komputer yang khusus, para hackers boleh menceroboh masuk atau menerobosi sesuatu pangkalan komputer, walaupun dari jarak beribu-ribu batu jauhnya. Jenayah ini dilakukan untuk mencuri data, mencuri maklumat atau mencuri rahsia. Ia juga dilakukan untuk merebakkan virus komputer atau untuk mengkhianat serta mengharu-birukan sesebuah sistem program komputer.

2. Espionage Industri atau Kerajaan:

Penjenayah elektronik boleh menerobosi sesuatu sistem, program atau data komputer untuk mencuri rahsia-rahsia penting. Rahsia-rahsia tersebut dicuri demi saingan perniagaan. Rahsia-rahsia itu juga dicuri demi kepentingan sesebuah kerajaan yang mahu mengkhianati atau mengintip kegiatan sesuatu kerajaan yang lainnya.

3. Cetak Rompak Perisian:

Jenayah ini bertujuan mencuri salin sesuatu perisian komputer milik syarikat yang menciptanya. Perisian tersebut kemudiannya akan disalin dan dijual secara haram di kalangan pengguna di merata dunia.

4. Bom Electronic Mail:

Penjenayah di mega maya akan menggunakan kepakaran mereka menceroboh masuk ke sesuatu sistem secara haram untuk mengirim bom E-Mail. Bom ini bukannya bom dalam artikata konvensional yang kita ketahui selama ini. Ia lebih merupakan warkah elektronik

ataupun E-Mail yang dihantar secara bertalu-talu ke suatu alamat yang dikenal pasti sebagai mangsa dan sasaran. Tindakan ini akan mengakibatkan sistem E-Mail sasaran jadi lumpuh.

5. Password Sniffers (Pencuri Password):

Sesetengah hackers akan menggunakan perisian komputer ciptaan mereka untuk mengesan password milik pengguna Internet sewaktu mereka mengembara di mega maya. Password yang dikesan itu, seterusnya akan digunakan untuk kegiatan-kegiatan jenayah mengikut selera hackers masing-masing.

6. Jenayah Kredit Kad (Credit Card Fraud):

Kepakaran di dalam teknologi maklumat kini membolehkan hackers menerobosi sistem rangkaian komputer yang mengendalikan perkhidmatan on-line kepada pengguna kad kredit. Penerobosan ini membolehkan hackers menggunakan nombor kad kredit yang mereka curi untuk mendapatkan perkhidmatan cyber shopping ataupun lain-lain perkhidmatan digital yang disediakan menerusi cyber commerce. Menurut statistik dunia, jenayah inilah yang besar jumlahnya kerana ianya mudah dilakukan.

7. Telephone Phreakers:

Ini adalah satu jenayah yang membabitkan pencurian kod akses telefon bersel ataupun cellular telephone, dengan izin. Ia amat popular di kalangan hackers remaja. Kod akses telefon bersel yang dicuri secara elektronik akan digunakan oleh mereka untuk berkomunikasi ke serata dunia. Ini akan menjadikan syarikat telefon bersel atau pengguna telefon bersel yang jadi mangsa membeban kerugian besar.

Tuan Yang di-Pertua, contoh-contoh jenayah seperti di atas berlaku hampir setiap hari di merata dunia. Mereka menyebabkan kerugian besar. Contohnya, akhbar *US Today*, 25hb. Mei 1996 melaporkan bahawa Pentagon di Amerika Syarikat telah mengesan 250,000 kes pencerobohan ke atas sistem datanya. Jabatan Kehakiman dan Agensi Perisikan Amerika Syarikat (CIA) juga pernah diterobosi sistem komputernya. Sistem komputer sebuah bank di Hong Kong telah pun dikhianati oleh seorang jurutera *Reuters* pada November 1996. Akibatnya, seluruh sistem itu lumpuh dan urusan perniagaan bank tersebut jadi haru-biru.

Sementara itu, Citibank di Amerika Syarikat mengumumkan bahawa ia telah dirompak secara elektronik oleh seorang rakyat Russia dan kerugian sebanyak RM25 juta. Sebuah bank di California mengatakan bahawa ia telah dirompak secara elektronik dan kerugian RM125 juta.....

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak apalah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak benarkan, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Sebuah bank di London telah kerugian RM1.15 juta akibat rompakan secara komputer. Sebuah bank lagi di Fiji juga kerugian RM5 juta akibat jenayah yang serupa.

Tuan Yang di-Pertua, saya menghuraikan segala bentuk jenayah komputer seperti di atas dan contoh-contoh kerugian seperti yang telah dilaporkan oleh akhbar-akhbar, bukan untuk menakutkan mana-mana pihak. Sebaliknya, saya menghuraikan hakikat di atas untuk menyokong segala undang-undang siber untuk mencegah pelbagai jenayah di mega maya.

Lebih penting lagi, saya juga membuat huraian di atas untuk menginsafkan semua pihak bahawa setiap rangkaian komputer yang penting mestilah dilindungi. Seperti kata majalah *Fortune*, Februari 1997, dengan izin, “*the more the computers of the business world become interconnected - via the Internet and private networks - the more exposed they are to break-ins*”. (Komputer semakin terdedah kepada pencerobohan dengan bertambahnya jumlah komputer milik syarikat-syarikat perniagaan yang dihubungkan kepada Internet atau lain-lain rangkaian persendirian).

Sebab itulah warga korporat Amerika Syarikat membelanjakan sejumlah RM15 bilion untuk mewujudkan sistem keselamatan networks komputer masing-masing pada tahun 1996. Mereka berbuat demikian kerana anggaran kerugian wang ringgit akibat jenayah komputer di Amerika Syarikat sekarang adalah sejumlah RM25 bilion setahun.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat di atas, saya harap kerajaan akan menitikberatkan sistem keselamatan maklumat dan networks komputernya apabila Aplikasi Kerajaan Elektronik dilaksanakan di Putrajaya kelak. Saya sedar, pihak kerajaan juga mempunyai kepakaran di bidang keselamatan komputer. Namun begitu, pakar keselamatan komputer kerajaan juga perlu diinsafkan

bahawa keselamatan sesuatu maklumat atau networks bukan boleh dijamin sepenuhnya oleh program perlindungan maklumat yang terdapat pada hari ini. Jika program perisian komputer boleh menjamin keselamatan data dan maklumat sepenuhnya, tidaklah akan terjadi kes-kes hacking dan pencerobohan seperti saya huraikan sebentar tadi.

Menurut sebuah syarikat perunding di bidang kejuruteraan keselamatan maklumat di Amerika Syarikat, sesuatu bentuk perlindungan maklumat yang sempurna adalah mustahil untuk diwujudkan. Sebab itulah sesuatu sistem yang digunakan untuk mengesan penyalahgunaan komputer hendaklah merupakan sistem yang mampu memberi perlindungan, yang mampu mengesan sesuatu pencerobohan secara efektif dan mampu pula bertindak seberapa segera apabila berhadapan dengan sesuatu pencerobohan.

Saya difahamkan bahawa Computer Misuse Detection System (CMDS) yang direka cipta oleh barisan jurutera sistem syarikat di atas, kini digunakan untuk melindungi 30 websites di seluruh dunia. Sistem ini juga digunakan untuk melindungi data milik angkatan tentera Amerika Syarikat serta organisasi korporat negara berkenaan. Sistem ini sedang dikaji keberkesanannya di Jepun, Kanada dan Perancis.

Maka, di dalam konteks aplikasi kerajaan elektronik di Putrajaya, saya berharap pihak kerajaan akan menitikberatkan ciri-ciri kejuruteraan perlindungan maklumat yang dapat mengesan pencerobohan maklumat, yang dapat bertindak segera dan efektif apabila berhadapan dengan sesuatu pencerobohan dan dapat pula membantu di dalam mengesan si pencerobohnya supaya dibawa ke muka pengadilan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya berharap pihak Putrajaya akan mempunyai konsultan teknologi maklumat yang benar-benar berwibawa untuk menjamin bahawa keselamatan maklumat yang akan digunakan di dalam aplikasi kerajaan elektronik adalah sistem yang berkesan. Jika MIMOS adalah konsultan komputer kepada kerajaan ataupun Putrajaya, saya harap MIMOS juga akan berusaha memperolehi nasihat daripada pakar-pakar luar yang telah lama bergelumang dengan hal ehwal perlindungan maklumat kerajaan di negara-negara asing. Saya bukan seorang pakar di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi, saya dapati menerusi pembacaan, bahawa soal-soal kejuruteraan sesebuah sistem perlindungan maklumat mestilah diambil kira dan dititikberatkan sejak sesuatu kerja perekaan

bentuk sesuatu sistem komputer itu dimulakan. Setelah jenis-jenis maklumat dikategorikan, setelah seluruh pengendali maklumat dipastikan, setelah arah aliran maklumat ditentukan, setelah sumber maklumat diketahui dan setelah segala-galanya dianalisis, maka barulah dapat dicadangkan sistem perlindungan maklumat yang paling serasi untuk sesuatu aplikasi yang khusus.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal keselamatan data ini saya juga berharap semoga pegawai kerajaan diinsafkan tentang hakikat keselamatan. Mereka yang kelak bertanggungjawab mengendalikan sistem data dan komputer mestilah melalui proses security vetting, dengan izin, atau ujian keselamatan oleh agensi keselamatan negara. Mereka juga wajib diberi kursus komprehensif tentang undang-undang yang membabitkan keselamatan ini. Mereka hendaklah diberi maklumat terperinci tentang bentuk-bentuk jenayah siber. Mereka juga hendaklah diingatkan supaya sentiasa berwaspada pada setiap masa.

Saya menegaskan hal ini kerana saya bimbang kalau-kalaulah setelah aplikasi kerajaan elektronik berkuatkuasa kelak, maka kakitangan kerajaan pula jadi sambil lewa, ataupun dengan izin, complacent, terhadap aspek-aspek keselamatan maklumat. Saya bimbang kalau-kalau pelaksanaan kerajaan elektronik akan mewujudkan satu bentuk psikologi dan mentaliti yang menggantungkan sepenuhnya soal-soal keselamatan data kepada sistem perlindungan dan kepada keselamatan data yang di'install'kan atau dipasangkan kepada sistem komputer itu sendiri.

Sebab itulah saya merayu semoga kakitangan serta pegawai kerajaan di bidang komputer dan teknologi maklumat mesti diberi penjelasan mendalam terhadap aspek keselamatan dan perlindungan data yang mutakhir dan berkesan. Saya yakin ini akan meminimumkan atau mengurangkan kegiatan penjenayah siber yang cuba menerobosi sistem data dan komputer Kerajaan Malaysia.

Dalam konteks ini, sama-samalah kita renungi sedalam-dalamnya pendapat beberapa pakar komputer dunia terhadap keselamatan maklumat. Menurut *Majalah Fortune*, Februari 1997, oleh kerana masyarakat semakin bergantung kepada networks untuk mempercepatkan urusan harian masing-masing, maka lebih mudahlah untuk hackers menerobosi pangkalan data sesuatu sistem komputer untuk memulakan keganasan mereka. Menurut pakar-pakar ini, komputer adalah pintu masuk utama para hackers. Sebaik sahaja hackers menerobosi pintu masuk ini, maka mudahlah untuk mereka melaksanakan tugas-tugas pengintipan, pengkhianatan atau pembinasaaan ke atas sistem berkenaan. Ini

juga memudahkan mereka melakukan aktiviti rompakan ataupun pencurian rahsia secara elektronik. Jadi, waspadalah, di zaman ini, musuh kerajaan bergerak secara elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah menghuraikan aspek-aspek moral dan keselamatan di dalam konteks undang-undang mega maya. Kini izinkan saya membicarakan aspek pentafsir dan penguatkuasaan undang-undang tersebut. Maksud saya, izinkanlah saya menghuraikan dengan serba ringkas soal kesediaan, dengan izin, preparedness pihak polis dan lain-lain agensi penguatkuasa di dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan undang-undang ini. Begitu juga dengan soal kesediaan para hakim dan peguam di dalam mentafsir undang-undang ini secara saksama dan berkesan.

Beberapa negara asing yang telah mempunyai undang-undang siber kini berhadapan dengan soal keberkesanan penguatkuasaan dan keberkesanan kehakiman. Kedua-dua aspek ini wujud terutamanya kerana pihak penguatkuasa, peguam dan hakim agak kurang faham terhadap teknologi maklumat dan multimedia yang berkembang pesat dan pantas. Pada waktu yang sama, wujud pula peguam-peguam pakar yang lebih terdorong melindungi kumpulan hackers.

Maka, masalah keberkesanan ini juga timbul kerana mega maya adalah sesuatu yang kelihatannya seolah-olah fantasi. Ini menjadikannya sukar diteroka dan difahami oleh pihak yang terkeluar dari disiplin komputer, multimedia ataupun teknologi maklumat. Ia juga timbul kerana mega maya adalah tanpa batas fizikal ataupun waktu. Oleh kerana Kerajaan Malaysia memang amat serius di dalam usahanya menjadikan Koridor Raya Multimedia suatu realiti tidak lama lagi, saya harap aspek kefahaman pihak penguatkuasa dan juga pihak peguam serta hakim terhadap undang-undang siber ini mesti dititikberatkan secara serius.

Ketiga-tiga pihak ini mestilah diberikan pendedahan secukupnya terhadap teknologi maklumat, multimedia, komputer dan telekomunikasi. Mereka boleh mendapat pendedahan yang diperlukan menerusi kursus-kursus yang intensif dan komprehensif. Mereka juga akan memahami perkembangan teknologi baru ini jika mereka diizinkan mempunyai rakan sekutu, ataupun dengan izin, associate, macam Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, kalau dia hendak jadi lawyer siber yang bagus, dia mesti ambil pakar-pakar teknologi maklumat yang berpengetahuan luas di bidang berkenaan. *[Ketawa]*

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak payahlah, nanti jawab sendiri. Oleh itu, saya berharap semoga semua pihak terbabit akan mengambil inisiatif memperdalami aspek teknologi maklumat, multimedia, komputer dan telekomunikasi.

Lebih penting lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak kerajaan dan lain-lain organisasi korporat akan mengeluarkan biasiswa menggalakkan pelajar Malaysia mengambil multiple degree, dengan izin, di bidang undang-undang, akauntansi, teknologi maklumat dan mungkin juga perubatan. Ini akan membolehkan mereka memahami aplikasi teknologi maklumat dari perspektif perundangan secara berwibawa. Graduan-graduan seperti ini pastinya akan menjadi tenaga utama, dengan izin, core group, yang mampu menangani soal-soal penguatkuasaan dan kepeguaman undang-undang siber di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata tersebut, saya mohon menyokong. Terima kasih.

[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong.

4.38 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Parit Sulong adalah Pengerusi Bersama Parliamentary IT Committee. Dalam ucapannya, beliau bercadang supaya pihak pembangkang patutlah bertanggungjawab dalam perbahasan Rang Undang-undang Siber dan bahawa pihak pembangkang patutlah sokong Rang Undang-undang Siber. Memang pihak pembangkang sentiasa ambil satu pendirian yang bertanggungjawab dalam apa-apa perkara yang bersangkutan paut dengan kepentingan negara dan saya percaya bahawa mengenai Rang Undang-undang Siber, pihak pembangkang - semua parti pembangkang saya percaya - sokong pada keseluruhannya Rang Undang-undang Siber oleh kerana kita perlu satu struktur undang-undang untuk menghadapi cabaran masyarakat maklumat.

Tetapi, ini tidak bererti bahawa kita tidak boleh ada perbezaan pendapat, malah tidak ada pertikaian mengenai aspek-aspek, provisi-provisi, seksyen-seksyen dalam rang undang-undang. Dan Yang Berhormat dari Parit Sulong mencadangkan bahawa pihak pembangkang patutlah impose whip supaya sokong sebulat suara Cyber Bill di hadapan Dewan yang mulia ini.

Nampaknya Yang Berhormat dari Parit Sulong perlulah ada mind set IT yang lebih maju. Dalam dunia IT kita tidak lagi kata atau bincang mengenai satu sistem pimpinan 'hierarchical'?. Kita bincang mengenai empowerment decentralisation, kita tidak kata mengenai impose whip tetapi bebas whip supaya membenarkan setiap ahli Parlimen, tidak kira parti pembangkang, tidak kira Barisan Nasional - bebas whip - untuk buat pendirian atas isu dan memberi pendapat yang sewajarnya, bukan impose whip! Kalau impose whip itu free IT - bebas whip. Kita sokong, saya percaya kita semua bertanggungjawab. Ini bukan lagi satu era hierarchical - era empowerment, era decentralisasi. Itulah, apabila kita bincang mengenai IT bukan sahaja rang undang-undang tetapi fahaman, intipati dan isu-isu satu dunia yang baru.

Saya ada kemukakan enam cadangan pindaan kepada rang undang-undang. Kita akan bincang nanti. Saya harap dalam isu ini oleh kerana kita semua sokong Rang Undang-undang Siber tetapi tentulah kita ada pandangan yang berbeza mengenai aspek-aspek masing-masing, sama ada mengenai - saya percaya ada ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tentu ada sokong, kalau bukan semua 6 pindaan yang saya cadangkan, mungkin beberapa sahaja. Mungkin ada ahli-ahli Parlimen pembangkang masuk DAP, tidak sokong, tidak apa! Kita bebaskan whip, DAP bebaskan whip. *[Disampuk]* Saya percaya PAS pun bebaskan whip, PBS pun boleh bebaskan whip, adakah Barisan Nasional rela membebaskan whip? Tunjuk untuk perbincangan ini, kitalah mind set IT. Bukan hierarchical tetapi empowerment kepada ahli Parlimen dahulu sebelum kita boleh empower rakyat jelata dalam dunia IT. Saya harap bahawa perkara ini boleh mendapat perhatian Backbenchers Club, boleh bermesyuarat, bincang, kemukakan kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional untuk dapat approval empat-empat Cyber Bill ini, withdraw the whip.

Yang Berhormat dari Parit Sulong ada sebut mengenai homepage DAP, homepage PAS. Dia kata bahawa kita perlu bertanggungjawab, janganlah ada apa-apa kandungan yang tidak betul, tidak berasas dan tidak baik untuk negara. Saya boleh cakap bagi pihak DAP, bagi pihak DAP itu selalu menjadi matlamat kita. Bukan sahaja untuk menyampaikan mesej kita kepada orang ramai dalam keadaan ini - dalam cyberspace - tetapi juga untuk memberi perkhidmatan kepada negara. Kita sudah tunjuk, Yang Berhormat dari Parit Sulong tentu tahu kita sudah beri pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos tanpa minta apa-apa commission - posted kedua-dua undang-undang. Yang Berhormat Menteri akan bentang Rang Undang-undang Jenayah Komputer dan Rang Undang-undang Tandatangan Digital dan lagi dua undang-undang siber ialah Rang Undang-undang Copyright

(Amendment) dan Rang Undang-undang Telemedicine. Homepage DAP - servis. Barisan Nasional pun boleh buat tetapi belum buat, kita buat.

Itulah teladan dalam era IT DAP pun boleh beri contribution, nasional contribution lebih baik daripada lain-lain pihak dan itu patutlah menjadi satu contoh. Jangan cakap parti pihak pembangkang lebih bertanggungjawab seolah-olah parti pembangkang tidak bertanggungjawab. Kita patut.....

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Seorang Ahli: ‘Bapa’ tidak boleh dialog.

Tuan R. Karpal Singh: Tadi, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong membaca ucapannya sebagai komputer, tidak memberi jalan kepada saya untuk menanya beberapa soalan. *[Ketawa]* Saya mengambil kesempatan ini daripada rakan saya dari Tanjong....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan R. Karpal Singh: ... untuk menyuarakan ini. DAP dalam masa lampau ada menyentuh mengenai Rang Undang-undang Mahkamah Khas. Kami dari sini ada memberi sokongan penuh kepada kerajaan kerana apa yang ada dibentangkan adalah bagi kepentingan negara, satu rang undang-undang yang baik, to clip the wings of the Rulers, kami memberi sokongan penuh. Bagi rang undang-undang ini yang ada di hadapan kami hari ini - bagi rang undang-undang ini pun kami akan memberi sokongan penuh, tetapi atas syarat, adakah semua peruntukan dalam rang undang-undang ini bagi faedah negara, khasnya kuasa yang diberi kepada Pendakwa Raya, itu ada dalam Fasal 12...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh: ...penjelasan dari rakan saya....

Seorang Ahli: Berucaplah!

Tuan R. Karpal Singh: .. penjelasan atas satu.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, dia belum beri ucapan penuh lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, bilakah atas ini?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, sabar dahulu.

Seorang Ahli: Jangan berucap! Jangan berucap!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh: Kami memberi sokongan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berilah ucapan itu.

Tuan R. Karpal Singh: Tetapi ucapan Tuan Yang di-Pertua, ini saya dapat peluang dari rakan saya dari Tanjong, dia memberi jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan R. Karpal Singh: Oleh itu saya mahu mendapat pandangannya mengenai.....

Beberapa Ali: Boo!

Tuan R. Karpal Singh:pandangan dia mengenai Fasal 12:

“12. Suatu pendakwaan di bawah Akta ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya secara bertulis.”

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah kami mendapat satu jaminan daripada kerajaan bahawa Peguam Negara bertindak dengan baik apabila diberi kuasa ini dan jangan menggunakan double-standard dalam kes Yang Berhormat dari Kota Melaka pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah kami mendapat.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat! Yang Berhormat cukuplah itu! Cukuplah!

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mendapat pandangan daripada rakan saya dari Tanjong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Atas apa yang saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Okay.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, apa Yang Berhormat dari Jelutong kata sangat tepat dan sangat betul....

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Lim Kit Siang: Sebenarnya dengan apa yang berlaku pada hari ini, Fasal ini menjadi satu isu yang sangat besar dan sekejap lagi saya akan sampai ke situ untuk membincangkan satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong. Tetapi sebelum itu saya mahu mencatatkan penghargaan saya kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong selaku Pengerusi

BBC oleh kerana berkerjasama demi kepentingan Parlimen, demi kepentingan negara untuk menubuhkan Parliamentary IT Committee supaya Parlimen boleh memainkan satu peranan yang lebih bererti dalam perkembangan IT.

Kita harap apa yang kita capai pada hari Jumaat yang lalu, di mana dengan penuh sejarah kita mengadakan satu Cyber Bill Forum boleh diikuti dengan program-program yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada apa Yang Berhormat dari Jelutong bangkitkan. Saya juga baru balik dari Melaka - di mana seorang Ahli Parlimen sudah dijatuhkan hukuman di mana beliau boleh hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen untuk Kota Melaka. Beliau didapati bersalah di bawah Akta Hasutan dan kedua di bawah berita palsu (Printing Presses and Publication Act). Di atas kesalahan Akta Hasutan hukumannya ialah denda maksimum sebanyak RM5,000 seperti yang diperuntukkan bagi kesalahan itu dan untuk kesalahan palsu (false news) atau berita di bawah Printing Presses and Publication Act dendanya ialah sebanyak RM10,000.

Fasal yang ada di bawah Perlembagaan kita, beliau kalau tidak boleh exhaust rayuan yang ada dan didapati satu kajian akan hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen. Saya tidak mahu bincang mengenai hukuman-hukuman ini, oleh kerana itulah bidang kehakiman. Tetapi apa yang kita perlu perhatikan dalam perbahasan hari ini apabila kita mahu membincangkan mengenai satu set jenayah komputer yang baru ialah apa tujuan kita meluluskan rang undang-

undang mengenai jenayah, apa tujuannya? Selain daripada untuk menangani masalah-masalah dunia komputer, selain daripada boleh master explosion information edge. Itu bukan tujuan muktamad. Tujuan muktamad ialah sama ada kita mahu mewujudkan satu struktur undang-undang untuk menegakkan keadilan, 'to create the justice' atau kita baru mahu ada satu sistem undang-undang tidak kira ada keadilan ataupun tidak ada keadilan, dengan izin, 'we want to create a structure justice.....mencapai keadilan melalui undang-undang atau kita baru mahu undang-undang tidak kira keadilan. 'We want to achieve a justice through law or we only want a system of law regardless or whether there is a justice or not'. Apa yang berlaku pada pagi ini patut menjadi satu mirror kepada Dewan yang mulia ini. Oleh kerana apa guna kita meluluskan undang-undang kalau akhirnya tidak boleh mencapai keadilan, kalau kita tidak hirau sama ada keadilan ialah apa yang kita mahu.

Tadi Yang Berhormat dari Jelutong ada menyebut mengenai Computer Crimes Bill, Fasal 12 - kuasa mutlak Peguam Negara. Kenapa saya sebut kes hari ini, saya bukan tidak mahu sebut kes seorang Ahli Parlimen DAP yang mungkin hilang kerusi lagi. Selepas pilihan raya besar ada 9 kerusi, tetapi tidak lama lagi menjadi 8 kerusi, seorang Ahli Parlimen kerusinya dirampas - hilang kelayakan, tidak ada pilihan raya kecil, orang dari pintu belakang masuk tanpa pilihan raya. Okay, sekarang mungkin akan kurang lagi satu, mungkin ahli

Parlimen dari Kota Melaka akan hilang kerusi. Tetapi apa yang mustahak ialah....

Seorang Ahli: Sepuluh budak hitam!

Tuan Lim Kit Siang: Apa yang mustahak ialah adakah semua ini berlaku dalam satu suasana, satu struktur yang adil? Kita lihat beberapa kes - saya tidak mahu mempertikaikan di sini hukuman atau sentence, tetapi selective prosecution yang dibuat oleh Peguam Negara dan ini kena-mengena oleh kerana section 12 - selective prosecution. Jadi, apa yang kita lihat 'false news' sebagai contoh - ini kes yang pertama dalam Malaysia, di mana seorang ada didakwa dan didapati bersalah serta dihukum - 'false news'. Kalau Peguam Negara ialah sebenar-benarnya bebas, impartial, tidak salahgunakan kuasa - baik semua orang yang ada melakukan kesalahan oleh kerana membuat 'false news' - tangkap, dakwa dan dibicarakan.

Adakah pada masa sekarang charge false news di bawah Printing Presses and Publication Act khas hanya untuk pihak pembangkang? Khas untuk NGO - Irene Fernandez, oh! Itu khas, tetapi orang dari Barisan Nasional, orang dalam kerajaan ada membuat 'false news' tidak salah - tidak salah - selective prosecution. Kalau pihak pembangkang besok masuk Barisan Nasional, jika dahulu 'false news' tetapi sekarang boleh menjadi 'news' sebenarnya. Saya ada kes contoh dan saya berani kata, kalau Peguam Negara adil, bebas, tidak menyalahgunakan kuasa, sesiapa ada 'false news', tangkap dan dibicara. Saya berani mengatakan bahawa semua kerusi Yang Berhormat Menteri yang ada di hadapan saya kosong - langsung tidak ada seorang menteri Kabinet, semua kena tangkap dan dibicarakan, oleh kerana setiap menteri pun

ada mengatakan ‘false news’, bukan menteri sahaja, tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam pilihan....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Boleh sekejap!

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ketua Pembangkang begitu emosional....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:terutama sekali kerana anaknya sendiri yang kena. Saya cuma ingin bertanya Jeffrey Kitingan dahulu sedang dibicarakan dia masuk Barisan Nasional, kesnya ditarik balik. Apakah Ketua Pembangkang bercadang untuk menyelamatkan Ahli Parlimen dari Kota Melaka suruh dia masuk MCA, barangkali ada jalan untuk menyelamatkan anaknya....

Seorang Ahli: Setuju. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Kes Jeffrey Kitingan antara satu kes yang saya akan sebut, tetapi cadangan Yang Berhormat dari Kubang Kerian kita tahulah apa jawapan dari pihak kita di sini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pilihan raya besar pada tahun 1995 dia mengecam bahawa saya sendiri di Negeri Pulau Pinang ada mencabar pihak polis atau melawan pihak polis untuk menangkap saya dengan terbuka untuk menjadikan suasana huru-hara, ini ‘false news’. Ini tidak pernah berlaku dan pihak DAP pun ada membuat laporan polis mengenai insiden ini. Adakah pihak polis mengambil tindakan, adakah Peguam Negara mengambil tindakan atau adakah kes ini ditutup sahaja? Oh! Ini ‘false news’ khas untuk pihak pembangkang, khas untuk pengkritik, khas untuk NGO, tetapi bukan untuk digunakan terhadap pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang bercakap bohong. Selective prosecution, bagaimana kita boleh dapat keyakinan

untuk memberi kuasa yang dicadangkan di bawah Fasal 12, bukan sahaja kes ini 'false news'.

Tadi Yang Berhormat dari Kubang Kerian ada sebut Jeffrey Kitingan. Oh, tangkap dakwa di bawah kesalahan rasuah. Tetapi apabila beliau masuk Barisan Nasional, ditarik balik tuduhan. Apa ini, bukan sahaja selective prosecution, tetapi selective withdrawal of prosecution.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, adakah rakan saya dari Tanjong sedar ada beberapa contoh, saya memberi satu contoh di mana saya terlibat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan - ini mengenai kes video lucu, D.P. Vijandran. *[Ketawa]* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kecurian video lucu daripada kediaman D.P. Vijandran adalah dirancang oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. *[Ketawa]* Apabila saya bangun dan menyatakan itu tidak boleh wujud kerana apabila kecurian itu berlaku, saya ditahan di Kamunting di bawah perintah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bukankah itu false news? Adakah Peguam Negara membuat apa-apa keputusan selepas itu? Tetapi adakah rakan saya dari Tanjong bersetuju who is going to bell the cat? Itu soalan, who is going to bell the bloody cat?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, benar. Itu satu contoh lagi. *[Ketawa]* Itu lagi satu normally catalogue, false news oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tetapi mana Peguam Negara. Tidak mengapalah, itu ada immunity untuk buat false news. Tetapi Printing Presses and Publication Act kita tidak beri kekebalan kepada menteri atau Perdana Menteri untuk buat false news.

Yong Teik Lee, sekarang Ketua Menteri Sabah. Dahulu pihak pembangkang, PBS, unlawful assembly didakwa di bawah Polis Act. Kalau didapati salah automatik disqualification oleh kerana minimum RM2,000 denda, automatik, apa mitigation pun tidak guna. Tetapi dia lompat masuk Barisan Nasional, habis. Oleh kerana dia sudah lompat masuk Barisan Nasional dan akan menjadi Ketua Menteri dalam sistem rotation, dalam pertengahan perbicaraan, Peguam Negara tarik balik caj dan gantikan caj di bawah penal code tidak ada mandatory disqualification. Apa ini, apa jawatan Peguam Negara ini. Adakah dia ada kewibawaan, dia ada integrity terus untuk menjadi Peguam Negara?

Rahim Tamby Chik - gadis di bawah umur tersebut berkata dalam mahkamah ada hubungan seks, statutory rape. Kenapa Peguam Negara tidak ambil tindakan? Walhal Peguam Negara ambil tindakan terhadap 14 pemuda yang lain. Semua pun atas uncolaborated evidence gadis bawah umur itu,

adakah Peguam Negara ada collaborated evidence mengenai kes-kes 14 orang yang lain? Ada bukti, ada gambar, tidak ada. Uncolaborated evidence. Tetapi atas uncolaborated evidence, gadis tersebut apa yang dikata mengenai 14 orang yang lain itu cukup untuk menjalankan pendakwaan. Tetapi untuk Rahim Tamby Chik tidak cukup. Bukankah ini selective prosecution, selective immunity?

Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Taib - empat bulan sangat nyata harta benda berpuluh-puluh juta ringgit, apakah tindakan telah diambil oleh Peguam Negara? Tidak, sangat sibuk, tidak ada masa. Kita mahu satu masyarakat maklumat, civic society, a new cyber laws, MSC, a news civilization. Tetapi inilah sikap kita yang mahu diteruskan. Tentulah kes hari ini akan lagi menjatuhkan nama baik Malaysia di antarabangsa. Kita boleh kata tidak mustahak. Itu tidak mustahak, tidak mengapa. Tetapi kita tahu mustahak. Kita mahu tempat yang sewajarnya the global bucket play, inilah dalam ucapan Yang Berhormat Menteri. Tetapi kalau kita teruskan sikap semacam ini, sia-sia ada cyber space. Bukan kita ada Cyber Bill kita luluskan kita boleh mengadakan satu tempat yang sewajar yang dapat dihormati di pihak dunia antarabangsa. Inilah mustahak. Orang ramai merasa keraguan mengenai masa depan yang dibawa oleh mega maya. Ada yang lihat ini sebagai mungkin end of civilization. Akhir tamadun. Ada orang yang lihat ini sebagai bermula satu tamadun yang baru. Tetapi kalau kita tidak ubah sikap kita, tentulah kita tidak akan lihat bermula satu tamadun baru.

Oleh kerana kita creat satu masyarakat penyayang, caring society, dalam kes Pendek, di mana beliau mahu selamatkan cucunya, semua usaha beliau diganggu, dihalang dan dianggap sebagai orang jahat, victimise oleh kamar Peguam Negara dalam dan di luar mahkamah. Apa yang Tuan Pendek mahu buat ialah membela nilai keluarga. Tetapi dia dianggap sebagai satu musuh....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara itu subjudice.

Tuan Lim Kit Siang: Apakah ini bukan kes?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak sebut kes itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi usaha-usahanya luar mahkamah. Kita mahu nilai kerana kita bincang mengenai masalah gejala sosial pemuda-pemudi, mahu national social service, mahu mempertahankan nilai keluarga, tetapi kes ini, apakah sikap kerajaan. Kita perlu renung, fikir baik-

baik. Sebenarnya hari ini kita patutlah selepas Parliamentary IT Forum, Jumaat lalu, dengan hati yang lapang untuk bincang satu cabaran yang baru dengan pembentangan Cyber Bill oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. Tetapi malangnya berlaku dalam satu hari di mana kita semua diingati lagi bahawa kalau kita tidak tukar sikap kita, sama ada pihak kerajaan atau pihak pembangkang, ini mungkin sia-sia. Saya harap bahawa kita selain daripada buat cadangan mengenai undang-undang spesifik, lebih mustahak kita boleh menanam access the justice morality, nilai-nilai yang murni dalam masyarakat kita. Bahawa sebenar-benarnya kita menuju ke satu masyarakat madani yang mengikut Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Jumaat lalu ialah ultimate objective, satu information society di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya balik ke rang undang-undang yang kita ada hari ini. Tetapi preamble itu mustahak. Kalau kita tidak mahu hirau preamble tadi itu, tidak gunalah undang-undang siber ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dengan diperkenalnya kumpulan undang-undang siber yang pertama, Malaysia patut kini berada di persimpangan sejarah yang lebih penting lagi kerana ini melambangkan langkah bersejarah membolehkan kita beralih ke era digital dalam abad ke-21. Saya ada sebut hari Jumaat dan saya ulangi. Sungguhpun mega maya (cyberspace) ini adalah tanpa sempadan, tetapi ia tidak boleh dianggap sebagai suatu zon tanpa undang-undang. Salah satu cabaran kita yang paling besar yang akan menentukan sama ada Malaysia akan berjaya beralih menjadi sebuah masyarakat maklumat dan mengambil tempat yang sepatutnya di kalangan negara-negara baris depan dalam abad ke-21, adalah sama ada kita dapat membentuk struktur serta konsep undang-undang yang baru yang menyedari tentang perubahan pantas serta realiti baru yang dibawa oleh teknologi maklumat supaya dapat melancarkan asas bagi pembentukan sebuah masyarakat madani yang berasaskan ilmu.

Adalah sesuatu yang membimbangkan bahawa dalam proses penggubalan undang-undang siber kumpulan pertama ini, perspektif pengguna (consumer and user) tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Ini berlaku dalam Rang Undang-undang Jenayah Komputer, Rang Undang-undang Tandatangani Digital, Rang Undang-undang Teleperubatan, dan juga Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 1997.

Multimedia Development Corporation (MDC), yang menghuraikan sendiri sebagai 'The MCS's Super Agency', yang telah dibentuk untuk menjayakan MSC, mempunyai satu website di Internet dengan satu bahagian FAQ atau soalan yang sering ditanya mengenai MSC, dan ia berbunyi, dan saya petik, dengan izin:

“8. Is the legal environment restrictive?

Answer;

‘In accordance with the Bill of Guarantees, the policies and laws of the MSC are being designed to make it the best environment in the world to harness the benefits of multimedia technologies and applications. The laws that will be enforced will make Malaysia the regional leader in intellectual property protection and free information exchange.’

‘Founding companies will have an influential role in continuing to shape the development of the MSC’s world-first ‘cyber-laws’ and other business policies. Over 150 detailed interviews have been conducted with multimedia/IT companies to understand their requirements. The Bill of Guarantees and cyber-laws reflect this input.’”

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya benar bahawa pendapat 150 syarikat-syarikat multimedia/IT antarabangsa telah dirunding dalam proses penggubalan kumpulan pertama undang-undang siber ini, maka adalah sungguh malang sekali bahawa syarikat-syarikat tempatan serta rakyat Malaysia sendiri, khususnya individu dan organisasi yang akan secara terus terjejas oleh undang-undang siber ini, seperti Ahli-Ahli Parlimen, Majlis Peguam, NGO-NGO seperti pertubuhan pengguna dan sebagainya, tidak pernah dirunding ataupun dibenarkan untuk memainkan peranan yang berpengaruh dalam pembentukan

atau penggubalan atau drafting undang-undang siber MSC yang pertama di dunia sebelum rang undang-undang ini dimuktamadkan.

Proses penggubalan rang undang-undang siber ini hampir boleh dikatakan tidak wujud sebarang penyertaan atau participation mahupun perundingan awam 'consultation' dan sungghpun saya memuji kerajaan kerana menanggukkan perbahasan ke atas rang undang-undang ini selama tiga minggu kerana perbahasan ini sebenarnya telah dijadualkan bermula di Dewan yang mulia ini pada 9hb. April - untuk membolehkan Jawatankuasa Antara Parti Parlimen menganjurkan satu Forum Rang Undang-Undang Siber hari Jumaat yang lepas, tetapi proses perundingan yang aktif ini seharusnya bermula sebelum mana-mana satu rang undang-undang siber ini mencapai ke tahap penggubalan terakhir atau final drafting dan perundingan awam yang lebih menyeluruh serta bermakna harus dilakukan di antara tempoh rang undang-undang ini digubal serta tempoh mereka diluluskan oleh Parlimen.

Sungguhpun pada Khamis yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan yang bertajuk "Turning Ripples into Tidal Waves' untuk membolehkan lompatan kuantum negara kita ke satu era maklumat, tetapi kebanyakan pegawai dan jabatan kerajaan masih lagi tersangkut dengan cara pemikiran yang pre-IT.

Sebagai contohnya, mereka kekurangan pemahaman mengenai implikasi dan potensi Internet sebagai akses kemudahan ke maklumat kerajaan rasmi, di

mana penerbitan elektronik akan membolehkan pempameran Rang Undang-Undang Siber di Internet menjadi mudah dan kosnya sungguh marginal sekali. Dokumen yang telah diproses kini dengan mudahnya dapat difomat dan dipamerkan di web page dan dengan itu dapat diedarkan dengan serta-merta ke seluruh dunia.

Jenis pemikiran pre-IT, inilah yang menyebabkan kerajaan tidak menghiraukan cadangan saya supaya mempamerkan kesemua Rang Undang-Undang Siber di atas Internet. Pempameran Rang Undang-Undang Jenayah Komputer serta Tandatangan Digital di Internet oleh DAP sekurang-kurangnya telah memaksa TMnet juga berbuat demikian di atas homepage sendiri, sungguhpun dengan cara yang tersipu-sipu 'very sheepish about it to make that announcement' kalau bukan DAP sudah buat itu posting on the Internet tentulah TMnet buat propaganda besar, first posting on the net, history buat dalam Malaysia tetapi sekarang TMnet very sheepish, malu untuk buat pengumuman oleh kerana DAP already taking the lead! Bukan. Itulah. Tetapi kerajaan tidak pula mengambil sebarang langkah seterusnya untuk mempamerkan Rang Undang-Undang Teleperubatan dan Rang Undang-Undang Pindaan Hak Cipta di Internet.

Kekurangan perspektif pengguna adalah nyata sekali sebagaimana yang diserlah oleh ketiadaan Rang Undang-Undang Perlindungan Data atau Data

Protection Bill dalam kumpulan rang undang-undang siber pertama ini, yang bertujuan untuk melindungi hak-hak rakyat jelata.

Masa telah sampai di mana mereka yang menggunakan komputer untuk mengendalikan maklumat peribadi, sama ada di sektor kerajaan mahupun sektor swasta, tidak lagi dapat memastikan sama ada sistem mereka mempunyai pelindung privasi yang memadai. Kita memerlukan undang-undang serta mekanisma untuk mengawal pemprosesan data komputer dan elektronik, di mana seseorang individu berhak untuk mendapat akses ke data peribadinya sendiri, membetulkan data yang silap, ataupun memadamkan data untuk memastikan bahawa pemperolehan, pemegangan serta penggunaan datanya itu tidak disalahguna.

Saya ingin menyeru supaya Jemaah Menteri memberikan keutamaan kepada penggubalan Akta Perlindungan Data, dan sekiranya tidak dapat membentangkan Rang Undang-undang Perlindungan Data dalam mesyuarat Parlimen kali ini, maka sekurang-kurangnya dibentangkannya dalam mesyuarat Parlimen bulan Julai kelak.

Jemaah Menteri harus mengambil perhatian yang serius terhadap satu insiden yang berlaku di San Francisco awal bulan ini, di mana seorang pembeli Komputer Peribadi IBM lama di sebuah majlis lelong Internet, mendapati bahawa harddisknya mengandungi rekod 2,000 pesakit dari sebuah rangkaian pasaraya farmasi.

Semasa membootkan komputer yang dibelinya dengan US\$159, pembeli berkenaan mendapati bahawa kesemua prisian yang digunakan oleh farmasi berkenaan sebagai penyimpan rekod masih berada di dalam harddisk komputernya, antaranya termasuklah nama-nama pesakit, alamat-alamat mereka, nombor sekuriti sosial serta senarai kronologi semua ubat yang pernah mereka beli dari farmasi berkenaan.

Nilai data dalam komputer lama berkenaan sememangnya berkali ganda lebih tinggi dari kos asalnya. Hasil siasatan mendapati bahawa komputer berkenaan merupakan salah satu dari 34 buah komputer peribadi yang dipajak oleh kedai-kedai farmasi dalam rangkaian pasar raya berkenaan dan yang telah dikembalikan kepada syarikat pajakan selepas sistem komputer lama mereka digantikan dengan yang baru.

Episod mengejutkan ini harus menyedarkan Jemaah Menteri kita supaya bertindak segera untuk menangani masalah perlindungan data, khususnya yang berkaitan dengan usaha promosi perdagangan elektronik menerusi Rang Undang-undang Tandatangan Digital dan penggunaan Teleperubatan menerusi Rang Undang-undang Teleperubatan. Kedua-dua ini merupakan sebahagian dari kumpulan pertama undang-undang siber yang akan diluluskan oleh Parlimen kali ini.

Akta Perlindungan Data yang Malaysia perlu gubal haruslah memasukkan lapan prinsip berikut, yang mana telah diterima oleh sesetengah negara yang lain:

- (i) maklumat yang terkandung dalam data peribadi harus diperolehi dan diproses secara adil dan sah;
- (ii) data peribadi hanya boleh dipegang untuk tujuan yang khas dan sah;
- (iii) data peribadi yang dipegang untuk sebarang tujuan tidak boleh digunakan ataupun didedahkan dalam sebarang bentuk dan cara yang tidak selaras dengan tujuan asalnya;
- (iv) data peribadi yang dipegang untuk sebarang tujuan haruslah bercukupan, relevan dan tidak berlebihan sehubungan dengan tujuan asalnya;
- (v) data peribadi haruslah tepat dan dimana perlu, haruslah merupakan data yang mutakhir;
- (vi) data peribadi yang dipegang untuk sebarang tujuan tidak boleh dipegang lebih lama dari masa yang diperlukan untuk tujuan berkenaan;
- (vii) individu berhak diberitahu oleh mana-mana pengguna datanya mengenai hakikat pemegangan data peribadinya serta berhak mendapat akses ke atas data-data berkenaan dan sekiranya wajar, berhak membetulkan ataupun memadamkan data-data berkenaan; dan
- (viii) langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya harus diambil untuk menghalang sebarang akses atau penukaran, pendedahan atau

pemadaman haram, terhadap data peribadi dan mengelakkan kerugian ataupun kerosakan data peribadi secara tidak sengaja.

Saya akan menghantar satu draf untuk Rang Undang-undang Perlindungan Data kepada kerajaan dalam bulan Jun dan mengemukakan satu Rang Undang-undang Private Member mengenai Perlindungan Data, sekiranya kerajaan tidak bersedia mengambil tindakan ke atas perkara ini dan saya berharap supaya Kerajaan bukan sahaja akan memberikan masa untuk perbahasan ke atas rang undang-undang berkenaan dijalankan, malah akan membatalkan kuasa whipnya untuk memberikan para ahli Parlimen kebebasan membuat keputusan sendiri sama ada sokong atau tidak rang undang-undang berkenaan, bebas dari sebarang pertimbangan parti politik.

Hakikat kekurangan perspektif pengguna juga dapat dilihat dari segi kekurangan cadangan perundangan untuk melindungi para pengguna komputer dari kegiatan-kegiatan perdagangan yang tidak adil, sama ada oleh para penjual runcit, pemborong mahupun pekilang, sama ada dalam bentuk harga yang tidak adil, produk yang kurang bermutu, mahupun perkhidmatan lepas jualan yang teruk. Ini adalah wajar kerana masalah yang dihadapi oleh para pengguna komputer kita harus ditangani.

Sebagai contohnya, jenama produk komputer yang terkemuka seperti Packard Bell boleh juga menghampakan, memberikan tempoh jaminan satu tahun sungguhpun jaminan tiga tahun telah menjadi amalan umum dan caj setinggi RM100 dikenakan oleh sesetengah syarikat komputer untuk setiap kali lawatan perkhidmatan.

Rang Undang-undang Jenayah Komputer merupakan satu rang undang-undang yang telah digubal tanpa mempertimbangkan sebarang perspektif

pengguna yang juga dijelaskan mengapa ia boleh mencadangkan hukuman yang paling berat di dunia terhadap kesalahan-kesalahan jenayah komputer.

Biar saya menegaskan di sini bahawa secara keseluruhannya, saya menyokong Akta Jenayah Komputer kerana kerugian yang boleh dialami hasil dari jenayah yang berkaitan dengan komputer adalah astronomical dan langkah-langkah perundangan memang diperlukan untuk menangani jenayah berkait dengan komputer di dalam bidang perniagaan dan kerajaan sama ada menerusi kemasukan rekod palsu ke dalam sistem komputer, pengubahan ataupun perosakan maklumat ataupun fail-fail komputer serta pencurian instrumen-instrumen kewangan, data dan lain-lain aset.

Malaysia memerlukan satu Undang-undang Jenayah Komputer sekiranya kita serius untuk menjadi sebuah negara yang berorientasi IT, kerana jenayah komputer akan membawa kerugian kewangan yang tidak terhingga dan ia akan digunakan dengan lebih kerap lagi dalam serangan tentera dan perisikan, memandangkan keselamatan negara kini semakin bergantung ke atas komputer.

Bagaimanapun, Undang-undang Jenayah Komputer Malaysia ini tidak harus menjenayahkan kebanyakan pengguna komputer di negara ini atau cuba mendahului semua negara di dunia dengan mengadakan hukuman yang paling ketat terhadap kesalahan-kesalahan yang serupa, kenapa kita mahu ada satu ambition, dengan izin, criminalise majority of computer users in the country

and have the most severe computer crime sentences in the whole wide world, in the WWW - 'three W'! Bukan 'world wide web' tetapi the 'whole wide world'.

Rang Undang-undang Komputer mengenalpasti tiga kesalahan khas yang sebenarnya mengambil contoh dari United Kingdom Computer Misuse Act 1990 dan Singapore Computer Misuse Act 1993, isi kandungannya hampir disalin sepenuhnya dari kedua-dua akta ini kecuali hukumannya.

Sebagai contoh, Seksyen 3(1) berbunyi:

'3(1) Seseorang adalah melakukan suatu kesalahan jika -

- (a) dia menyebabkan suatu komputer melaksanakan apa-apa fungsi dengan niat untuk mendapat capaian kepada mana-mana atur cara atau data yang disimpan dalam mana-mana komputer;*
- (b) capaian yang dia berniat untuk didapati adalah tanpa kuasa; dan*
- (c) dia tahu semasa dia menyebabkan komputer itu melaksanakan fungsi itu, demikian berlakunya'.*

Bagaimanapun, hukuman yang dicadangkan untuk Malaysia bagi kesalahan yang sama, same offence adalah 12 kali lebih tinggi dari United Kingdom dan dua setengah kali lebih tinggi daripada Singapura. Dua belas kali lebih tinggi daripada United Kingdom dan dua setengah kali lebih tinggi

daripada Singapura, Singapura sudah termasyhur satu city di mana denda yang the worst tetapi kita mahu melebihi, saya mahu tahu, kenapa? Kalau hujah ialah deterrence, kita perlu bincang. Di dalam Rang Undang-undang Jenayah Komputer ini, hukuman bagi pesalah Seksyen 3(3) adalah denda, seseorang yang melakukan satu kesalahan di bawah seksyen ini: *'hendaklah apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya'*. RM50,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya, tetapi apa yang terkandung dalam United Kingdom Computer Misuse Act 1990, peruntukan yang sama, Fasal 1 - Clause 1:

'A person is guilty of an offence if:

- (a) the causes of a computer to perform any function with intend to secure access to any programme or data held in any computer;*
- (b) to access the intends to secure is unauthorised; and*
- (c) he knows at the time and he causes of the computer to performs the function, that is the case'.*

Sama, word for word. Tetapi, penalti, *'a person guilty of an offence under this section should be liable*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, okay, sungguhpun tadi dia tidak mahu beri jalan, saya beri jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih! Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menyangkal pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Saya sekadar ingin bertanya kepada beliau adakah beliau sedar bahawa di United Kingdom sekarang ini wujud satu kumpulan barrister ataupun peguam-peguam yang mengatakan bahawa perundangan-perundangan miscomputer act ataupun peruntukan-peruntukan dalam Computer Misuse Act di United Kingdom sekarang ini didapati kurang berkesan, oleh kerana walaupun undang-undang itu wujud, masalah computer misuse masih lagi ditahap yang membimbangkan authorities di sana.

Adakah tidak ini mungkin menjadi satu landasan yang legitimate, dengan izin, kepada pihak penggubal undang-undang Malaysia untuk mendapatkan satu set penalty, dengan izin, yang lebih tinggi, satunya mungkin sebagai deterrent, yang keduanya, mungkin sebagai untuk memperbaiki keadaan yang berlandaskan keadaan atau senario yang saya sebutkan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sudah tentu, tetapi adakah Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong sedar bahawa sebab-sebab kenapa ada dianggap bahawa Computer Crime Act atau Computer Misuse Act di United Kingdom

tidak begitu berkesan, bukan sahaja daripada masalah atau faktor 'sentence', tetapi ada masalah yang lain semacam 'capability', polis untuk menangani penjenayah-penjenayah komputer dan perubahan teknologi.

Tidakkah tadi Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi ada menyebutkan angka-angka begitu banyak kes 'intrusion computer' tidak di'detected'. Ia atau tidak? Dan lagi persoalan sekarang ialah kenapa kita mahu lebih tinggi dua belas kali di dalam tadi ada disebutkan untuk United Kingdom ialah enam bulan penjara atau 2,000 British Pound, tetapi kita mengenakan lima tahun, dua belas kali. Singapura - Computer Misuse Act 1993 ialah in Section 3 subject to subsection (2), *'any person who knowingly causes of a computer to perform any function for the purpose of securing access without authority to any programme or data held in any computer shall be guilty of an offence and should be liable of conviction to a fine not exceeding S\$2,000 or to imprisonment for a term not exceed two years or for both'*.

Kita dua setengah kali lebih tinggi, adakah ini ada sesuatu sebab, oleh kerana di Singapura pun tidak berkesan, adakah Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong dapat maklumat bahawa di Singapura ada peguam-peguam berkata bahawa Computer Misuse Act, di Singapura tak berkesan dan perlu tambah lagi penalti, sebab itu di Malaysia kita adalah peruntukan ada setengah kali. Ada atau tidak?

Tidak bukan? Sebab itu kita mahu tahu, sama ada ini boleh diterima sebagai satu alasan kenapa kita, saya rela berdiri, dengan izin, I am prepared stand to be corrected untuk offence yang sama apabila diluluskan 'unauthorised access to computer material', Section 3 bahawa, dengan peruntukan RM50,000 denda, lima tahun penjara atau kedua-duanya, kita adalah nombor satu di dunia, 'get into a book of guiness book of record, di mana untuk 'unauthorised access', kita dapat denda yang terberat, 'I am prepared stand to be corrected, you will be unchallenged, it is correct? Surely'! Yang Berhormat Menteri ada semua fakta-fakta, 'you will be unchallenged. We will be firsting after the laws pass get into the book of guiness book of record', adakah tujuan kita mahu masuk guiness book of record, computer crime, heaviest offence.

Sungguhpun tidak ada apa-apa jaminan kita boleh menangkap sesiapa. Mungkin kita kalau mahu bandingkan dengan negara-negara yang lain, yang boleh mengesan, yang boleh menangkap 'computer criminals' mungkin terke bawah, bukan 'first, may be last among the computer IT advances nations', kita tak mahulah bandingkan dengan yang negara lainlah. Sekarang kita mahu tahu apa gunanya, apa tujuan, apa rasional?

Untuk 'on paper the most severe, number one'! Tetapi 'interms of capability' kita tidak melihat apa-apa capability. How the United Kingdom, mereka pun tidak ada capability, jangan kata di Malaysia. Itu mustahak. Kita kata 'deterrent' Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong kata, itu 'deterrent',

kalau ‘deterrent’ ialah sebab argument ini boleh, dengan izin, take into extreme, kalau ‘deterrent that penalty’lah - mati, lebih baik gantung hingga mati, that deterrent. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun ya.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, boleh!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, apa masalah Yang Berhormat kalau ‘sentenced’ bukan offence, kalau sentenced itu berat, adakah kerana Ahli Yang Berhormat pun bercadang untuk melanggar undang-undang ini. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri itu too flippant dan frivolous, inilah satu subjek yang serius, bukan main-main. Mahu main-main kita keluar main-main. Flippant dan frivolous.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Okay serius? Baik.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebab saya hendak tahu, apa masalah sebenarnya, kalau hukuman itu berat? Sebab kalau hukuman itu ringan mungkin kita rasa bimbang iaitu bahawa orang akan dengan sewenang-wenangnya melanggar. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak Menteri menjawab, kita hendak tahu alasan Yang Berhormat mengapa Yang Berhormat tidak bersetuju hukuman ini berat? Ini yang kita hendak tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Ha, itu serius, bukan seperti tadi, flippant dan frivolous. Oleh kerana sebagai legislators, kita setiap Ahli Parlimen bertanggungjawab bukan Yang Berhormat Menteri, siapa yang meluluskan

rang undang-undang ini? Kita setiap Ahli Parlimen meluluskan rang undang-undang ini, kita patut tahu kenapa kita mahu meluluskan, baik atas cadangan Yang Berhormat Menteri, kita ada kesalahan dengan penalti yang tertinggi dalam dunia, mungkin 'cyberspace'lah dalam mega maya.

Apa rasional, untuk apa? Kita mahu tahu, bukan oleh kerana seronoklah, ada satu kesalahan di mana ada penalti yang tertinggi dalam dunia, seronok boleh masuk guiness book of record, apa guna itu? Kita mahu setimpal, apa-apa juga penalti perlu setimpal dengan kesalahan itu dan tentu apabila Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Kamar Peguam Negara bincang, mengkaji, menyemak Computer Crime Legislation di negara-negara yang lain, tentu ada sebab, tak boleh kata deterrent, oleh kerana saya telah sebutkan kalau deterrent itu sebab tunggal sahaja, kenapa tidak mahu 'death sentenced'? Walhal kita ada menghadapi masalah untuk enforcibility.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun ya.

Tuan Lim Kit Siang: *Okaylah.[Ketawa]*

Tuan Noh bin Omar: Ini serius *[Ketawa]* Terima kasih. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat dari Tanjong. Saya hendak minta pandangan beliau mengenai hukuman gantung, mengenai kesalahan dadah. Saya masih ingat waktu mula-mula kita perkenalkan hukuman gantung sampai mati kepada pengedar-pengedar dadah, pada masa itu banyak negara kompelin termasuklah pelajar-pelajar. Semasa saya belajar di London dahulu, inilah isu yang mereka mainkan. Mereka kata negara kita ini terlampau tidak ada kemanusiaan - gantung sampai mati - tetapi hari ini kita lihat banyak pula negara-negara mengikut kita menjatuhkan hukuman gantung sampai mati kepada pengedar-pengedar. Jadi, apa pandangan ataupun komen Yang Berhormat mengenai hukuman yang kita mendahului daripada negara-negara lain mengenai satu-satu undang-undang?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada salah untuk mendahului negara-negara yang lain tetapi patut ada sebab yang kukuh. Tadi saya ada sebut, saya percaya Yang Berhormat Menteri pun boleh

bersetuju. Kita boleh ada peruntukan penalti yang tertinggi dalam dunia mendahului negara-negara yang lain tetapi tidak ada 'capability' untuk tangkap computer criminals. Itu bukan masalah yang lebih besar yang perlu kita address.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Penjelasan lagi. Bila Yang Berhormat kata kita tidak ada 'capability' untuk menangkap kesalahan jenayah ini, jadi, apa guna kita meluluskan undang-undang ini kalau kita sudah tidak ada usaha dan kebolehan untuk menangkap computer criminals? Jadi, apa guna Yang Berhormat mencadangkan pelbagai pindaan kalau Yang Berhormat sendiri memikirkan bahawa kita tidak ada keupayaan untuk mengatasi masalah ini? Adakah undang-undang yang hendak kita luluskan ini tidak akan mempunyai makna?

Tuan Lim Kit Siang: *[Ketawa]* Yang pertama, saya percaya Yang Berhormat Menteri diam-diam dia bersetuju mengenai masalah 'capability' tetapi ini bukan bererti kita tidak perlu ada satu struktur undang-undang dan mengadakan, mungkin, ada satu unit khas - Computer Crime Unit - di mana dalam pihak polis, dahulu pihak polis atau Inspektor semua latihan mereka ialah bagaimana untuk menyiasat jenayah-jenayah tetapi tidak ada apa-apa pengetahuan mengenai komputer tetapi sekarang perlu ubah kurikulum untuk personnel police di mana diwajibkan setiap Police Inspector fasih dalam komputer - computer literacy, computer fluency. Itulah kita boleh terima, kita boleh terima inilah satu bidang yang baru kita perlu untuk memulakan tetapi itu hal yang lain. Kenapa kita mahu memperuntukkan dengan penalti yang tertinggi dalam dunia, apa sebabnya? Untuk tunjuk boleh mendahului dunia?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Timbalan Menteri bangun lagi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini serius Yang Berhormat ya.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, baik. Serius, boleh terima.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hari ini dia tidak boleh joke, selalu dia boleh joke. Mungkin hari ini dia upset sedikitlah mengenai Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya tanya dua kalilah tadi, iaitu bahawa dia masih belum menjawab sebab kita hendak tahu iaitu apa alasan Yang Berhormat bercakap bahawa denda kepada kesalahan ini tidak boleh tinggi, sebab kita hendak tahu kerana kalau Yang Berhormat tanya dengan kita sudah tentu kita jawab ‘deterrent’. Jadi, kalau ‘deterrent’ itu tidak boleh diterima, apa alasan Yang Berhormat yang menyebabkan mempertikaikan dan tidak bersetuju kerana denda tinggi sebab kita hendak tahulah, mungkin ada alasan, apa dia?

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana apabila kita meluluskan satu kesalahan yang baru, dia tidak berdiri tunggal. It does not stand on its own. Ia ada relationship dengan struktur undang-undang yang ada. Apa ada satu perbandingan dengan kesalahan-kesalahan yang lain atau sebagai satu contoh, computer crime unauthorise access, adakah ini lebih serius daripada, sebagai contohnya, sedition? Kalau kita ada memperuntukkan sama ada penjara atau denda lebih serius daripada sedition adakah ini munasabah? Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju kita mahu dunia tahu computer unauthorise access ini lebih serius daripada sedition? Sebab itu ada perbandingan, i.e. a co-relationship with all other laws in the country, with other offences in the country, We are not passing laws in isolation. Adakah Yang Berhormat

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Parit Sulong, bangun.

Tuan Lim Kit Siang:nanti, Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu menjawab sama ada dia bersetuju kalau kita ada computer crime unauthorise access lebih serius daripada sedition, mungkinkah tidak munasabah?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada dua yang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri dahulu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Computer unauthorise access ini boleh melibatkan, kadangkala kehilangan wang yang jumlahnya besar, macam kita dengar macam-macam

orang bercakap tadi, curi duit sampai RM5 juta, RM6 juta kerugian, jadi sebab itu benda ini kalau Yang Berhormat hendak banding secara simplistic dengan sedition tadi, bermakna....

Tuan Lim Kit Siang: Maximum with maximum.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya?

Tuan Lim Kit Siang: Apabila saya kata, maximum with maximum.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, maksimum dengan maksimumlah maksudnya iaitu bahawa sedition ia boleh menyebabkan sesuatu orang punya maruah ataupun harga diri terjatuh.....

Tuan Lim Kit Siang: Negara huru-hara.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya?.....

Tuan Lim Kit Siang: Negara huru-hara.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi bagi kehilangan jumlah wang yang besar, jadi sebab itu saya rasa dalam hal ini kesalahan ini jauh lebih berat lagi kalau dibandingkan. Sebab saya mengatakan bahawa access kepada ini, ia akan boleh melibatkan kerugian yang jauh lebih besar. Sebab itu saya rasa kesalahan ini hukumannya harus lebih beratlah daripada Yang Berhormat bandingkan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri belum jawab yang jelas kepada soalan saya yang boleh memberi gambaran kenapa kita perlu berprihatin dalam perkara ini. Adakah wajar dan munasabah untuk maksimum dengan maksimumlah, kita tidak bincang minimum dengan minimum. Maksimum dengan maksimum di mana mungkin, sebagai contoh sahajalah, di mana kesalahan unauthorise access lebih serius daripada sedition di mana bukan sahaja boleh menjatuhkan maruah seseorang, boleh membawakan huru-hara, satu negara boleh hancur oleh kerana ada rusuhan, adakah dia rasa ini tidak berasas?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun ya.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, saya tunggu Yang Berhormat Timbalan Menteri dahulu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau Yang Berhormat hendak buat perbandingan, saya ingat kita tidak usah bandingkan dengan Akta Hasutan sahaja....

Tuan Lim Kit Siang: Atau apa-apa akta pun boleh.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa-apa akta, kalau Yang Berhormat boleh pusing balik, dahulu kita ada meluluskan satu rang undang-undang berkenaan dengan soal ada kait mengait dengan maritim, kita ada denda sampai RM20,000, RM25,000. Jadi, ini bukan benda yang barulah. Jadi, kalau Yang Berhormat boleh check balik yang lepas kita meluluskan undang-undang, ada denda yang dikenakan RM20,000 pun ada, RM25,000 pun ada. Jadi, kalau RM50,000 ini kalau dibandingkan, maknanya tidaklah jauh lebih berat, ya?

Tuan Lim Kit Siang: Baik, ini kita boleh terima daripada segi oleh kerana ekonomi, kewangan, itu denda. Tetapi, penjara. Di sini saya mahu beritahulah, itu bukan satu contoh yang saya sebut accidentally, bukan accidentally, contoh, Sedition Act yang patut menjadi satu kesalahan yang serius dalam mana-mana negara oleh kerana boleh membawakan kehancuran negara yang terserius sekali. Dua scenario dan unauthorise computer access boleh membawakan kehilangan kewangan yang banyak, 'astronomical' saya sebut tadi. Itu kalau kita nilai daripada segi wang tetapi daripada segi keseriusan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis. Tetapi apabila dibanding daripada segi keseriusan (seriousness) penalti untuk penjara, di sini 5 tahun penjara unauthorise access tetapi untuk Sedition Act - 3 tahun. Lebih serius daripada Sedition Act?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Parit Sulong minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Biar saya habiskan bab ini. My thinking on this subject, okay? Adakah wajar? Munasabah? Di mana offence computer unauthorise access bukan section 4 di mana ia untuk unauthorise access to committ further crime semacam fraud, dishonesty atau personal injury di bawah Panel Code - itu 10 tahun - Okay? Tetapi di sini, mana perbandingan itu? Bukankah there's something wrong as queue dan sebagai legislatures. Isu-isu ini kita perlu bincang, bukan untuk sweep under the carpet. Yes, Parit Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bahawa kita tidak menggubal satu undang-undang, dengan izin, in isolation. Tetapi, dalam pada itu saya ingin mendapat penjelasan daripada beliau, adakah benar atau tidak bahawa persekitaran (environment), budaya, mentality, karenah dan pelbagai perilaku manusia juga menjadi input yang berbeza, bermakna, dengan izin, satu variable yang berubah-ubah di antara mentality rakyat di United Kingdom, mentality rakyat di Singapura terhadap jenayah dan mentality rakyat Malaysia terhadap jenayah. Itu yang pertama.

Yang keduanya, kita juga menggubal rang undang-undang ini berlatar belakangkan seriousness kerajaan untuk menjadikan MSC satu wadah industri multimedia yang ternama di dunia ini, tidakkah itu juga diambil kira untuk menjadi satu input kepada latar belakang penggubalan undang-undang ini.

Yang ketiganya, IT multimedia adalah satu perkara yang masih baru, precedent dalam segi undang-undang masih lagi tidak banyak dan perkembangannya terlalu cepat. Ini, menyebabkan para penafsir undang-undang agak kelam-kabut untuk melihat perkembangan dan mencari precedent. Jadi, dalam konteks ini adakah adil untuk menyatakan bahawa dalam proses evolusi ataupun perkembangan undang-undang multimedia ini, Malaysia ini salah dan terpaksa dimasukkan dalam World Guinness Book of Record oleh kerana kita mempunyai satu 'quantum penalty' yang tertinggi di dalam dunia. Itu persoalan saya, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Point yang kedua, bahawa inilah satu tarikan untuk MSC. Kalau begitu, supaya MSC lebih menarik, lebih attractive, kenapa kita tidak mahu tambah lagi penalty RM50,000, itu tidak cukup, RM100,000? Lima tahun penjara tidak cukup, sepuluh tahun lebih menarik, MSC lebih menarik? Lebih ramai orang datang, adakah ini ertinya? Tidak, bukan? So that argument falls - collapse.

Kedua, kalau dibandingkan dengan Singapura supaya MSC lebih attractive apabila dibandingkan dengan counterparts lain seperti di Singapura - same offence penalty iaitu saya ada sebut \$2,000 dan penjara dua tahun.

Adakah ini bererti bahawa Singapore now less attractive kepada IT companies, sudah tidak kompetitif? Itu terpulanglah kepada Yang Berhormat dari Parit

Sulong sama ada dengan peruntukan yang begitu berat kita boleh menyakinkan software companies untuk datang ke Malaysia. Kita juga tahu bahawa

sebenarnya mereka mengerti 'you can have the most severe law in the world but do you have the capability', mereka akan tahu lebih daripada kita. On paper ya baik, tetapi finally 'can catch' but 'cannot catch'.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat dari Tanjong supaya bersikap lebih adil sedikit di dalam hal ini. Tadi, kita menerima bahawa IT adalah satu perkara yang baru. It's involve all the time, most of the time, dengan izin. Jadi, evolusi inilah yang saya katakan harus menjadi satu latar belakang kepada peruntukan yang sedemikian rupa dan saya rasa penalti ini walaupun - again I stand to be corrected to borrow what you had said just now - walaupun mungkin ini bukan menjadi latar belakang kepada penggubal undang-undang, tetapi saya rasa kesungguhan atau seriousness kerajaan untuk mewujudkan IT menjadi satu latar belakang ataupun it's being reflected, dengan izin di dalam bentuk penalti.

Yang keduanya, saya tidak tahulah sama ada beliau mempersendakannya ataupun tidak. Masalah capability, penguatkuasaan undang-undang dalam konteks IT menjadi satu lumrah di seluruh dunia, let's go to US, dengan izin. Kita pergilah ke United States.....

Tuan Lim Kit Siang: I said that already.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kita pergilah ke UK, ke Western Europe, masalah keupayaan menguatkuasakan undang-undang ini memang

masih lagi rapuh. Begitu juga dengan kita, oleh kerana perkara ini adalah perkara yang baru seperti saya katakan tadi, precedentnya masih lagi kurang dan juga evolusinya terlalu pantas. Jadi, janganlah dibandingkan masalah enforcement capability, dengan izin, dengan bentuk penalti ataupun bentuk denda yang besar dalam konteks Undang-undang Jenayah Komputer 1997 yang ada kita bincangkan pada hari ini. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai enforceability, tadi, saya pun ada mengatakan bahawa di negara yang lebih maju dalam IT mereka pun menghadapi masalah. Ini argument bahawa penalti yang lebih tinggi tidak tentu akan menjadi lebih 'attractive draw' oleh kerana mereka tahu akhirnya bukan 'on paper' mengenai apa penaltinya, tetapi enforceability. Ini bukan untuk mempersendakan capability kita. If you think realistic, look at ourselves, those of reality. 'Hack' okay, hack MSC, tetapi jangan kita makan 'hack' kita sendirilah. Ada those of reality.

IT involves, bukan sahaja involves evolutionary, revolutionary dalam proses as a relative change, tetapi crimes and punishment fundamental, guide lines, rules on crimes and punishment do not change. There must be certain basis 'core' relationship and that is apa yang mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, adakah wajar bagi Malaysia, seperti yang ditanya tadi memperuntukkan hukuman 12 kali lebih berat dari hukuman yang dikenakan oleh UK untuk kesalahan yang serupa dan 2½ times lebih daripada

Singapura. Adakah menerusi cara sebegini maka Malaysia memiliki ‘undang-undang siber dunia yang pertama’?

Kini wujudnya perbincangan - ini lagi satu yang mustahak, yang ada hubungkait dengan apa yang kita bincangkan tadi. Kini wujudnya perbincangan yang aktif di atas newsgroup Malaysia sama ada Jaring general atau so-called Malaysia mengenai sama ada kita perlu provisi ‘French Spiderman’ a Spiderman provision. Di dalam Rang Undang-undang Jenayah Komputer untuk mengecualikan hacker yang tidak berniat jahat

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Boleh saya habiskan ini dahulu ya! Berniat jahat ataupun jenayah dari didakwa dan dengan itu dapat membantu menghasilkan sistem keselamatan komputer yang lebih baik. Adalah wajar supaya cadangan ini diberi pertimbangan yang serius.

Dalam Persidangan Jenayah Komputer Antarabangsa di New York bulan lepas, tiga kes terbaru telah dibangkitkan di mana komputer telah dijadikan sebagai senjata untuk melakukan jenayah terhadap sebuah bank, masyarakat penerbangan dan sistem 911 di Amerika Syarikat.

Dalam kes pertama, seseorang yang memiliki sebuah komputer laptop di St. Petersburg Russia, cuba mendapat akses ke berjuta dollar di sebuah bank Amerika Syarikat. Di kes kedua, seorang pegganas yang telah disabit

kesalahan, menggunakan laptopnya untuk mereka suatu komplot untuk meletupkan 12 kapal terbang Amerika Syarikat. Dalam kes ketiga, seorang pemuda di Sweden menceroboh masuk ke komputer-komputer di Florida dan menutup sistem panggilan cemas 911 selama satu jam, melumpuhkan rangkaian yang bertanggungjawab memberikan tindakan pantas oleh pihak polis, bomba dan ambulans.

Sumber-sumber negara (resources) negara harus ditumpukan secara sepenuhnya ke atas jenayah-jenayah mega maya 'this highwayman' dan bukannya menjenayahkan kebanyakan pengguna komputer di negara ini.

Mengikut Rang Undang-undang Jenayah Komputer masa kini, para pengemas komputer muda yang melakukan pencerobohan kecil iaitu akses tanpa kuasa ke sesuatu komputer, sungguhpun tanpa niat jahat dan tidak membawa kepada sebarang kerosakan, tetapi sebaliknya mungkin membantu memperketatkan lagi sistem keselamatan sistem komputer demi kepentingan orang ramai, akan didapati bersalah di bawah Seksyen 3 Rang Undang-undang ini yang membawa hukuman denda maksimum RM50,000, lima tahun penjara atau kedua-duanya sekali - hukuman yang paling berat yang pernah kedengaran di dunia!

Saya tahu Yang Berhormat dari Parit Sulong mahu bincang atau timbang mengenai 'hacker' - baik, selepas saya kemukakan pandangan saya mengenai 'hacker' saya akan memberi jalan, okay!

Ini adalah sungguh malang sekali, kerana ia akan melencongkan perhatian kita terhadap jenayah mega maya yang sebenarnya - mereka yang sememangnya merupakan perompak di atas Lebuhraya Maklumat - yang mencuri berbilion-bilion dollars setahun melalui peralihan wang secara haram, memindahkn pembayaran dan mencuri beberapa sen dari pendapatan orang lain.

Skwad Jenayah Komputer Kebangsaan Biro Penyiasatan (FBI) menganggarkan bahawa 85% ke 97% dari kegiatan pencerobohan komputer yang berlaku langsung tidak dapat dikesan. Dalam satu ujian yang ditaja oleh Jabatan Pertahanan US baru-baru ini perangkaan yang diperolehi lebih menakjubkan. Percubaan telah dilakukan untuk menyerang sejumlah 8,932 sistem yang menyertai ujian ini. 7,860 sistem berkenaan telah berjaya dicerobohi, pihak pengurusan bagi 390 dari 7,860 sistem ini berjaya mengesan insiden serangan dan hanya 19 dari pengurus berkenaan melaporkan insiden serangan.

Inilah sebab mengapa para 'hacker' yang mendapat akses tanpa kuasa ke sistem-sistem komputer tanpa berniat jahat atau jenayah, tetapi hanya bertujuan untuk menguji keselamatan sistem-sistem berkenaan, mungkin telah melakukan sesuatu sumbangan yang bernilai, bukan sahaja terhadap syarikat-syarikat dan sistem-sistem yang dicerobohnya, malah juga terhadap para pengguna komputer pada keseluruhannya.

Kita juga harus ingat bahawa dengan adanya Undang-undang Jenayah Komputer, tidak pasti....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Okay, 'hacker'. Boleh.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya memahami apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong dan saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat dari Tanjong juga berusaha membuat satu pindaan bahawa professional hackers akan dikecualikan daripada rang undang-undang ini, bermakna ada satu escape clause ataupun satu clause khas, provision khas untuk membolehkan professional hackers yang ditugaskan untuk menguji (to test), dengan izin, keselamatan sesuatu sistem diizinkan untuk bergerak di bawah rang undang-undang ini.

Satu, oleh kerana kita tahu di Amerika Syarikat baru-baru ini iaitu menjelang Krismas dilaporkan bahawa ada satu kumpulan 'nut crackers', they called it, dengan izin, yang memang dibayar oleh warga korporat Amerika untuk menguji sama ada sistem mereka itu sistem yang benar-benar security prove, sama ada sistem fire walls dan juga perisian-perisian software boleh benar-benar melindungi keselamatan data di dalam syarikat mereka. Ini terbukti bahawa kepercayaan terhadap fire walls dan juga perisian komputer tidak menjadi satu hakikat yang benar untuk melindungi data.

Yang kedua, jenayah komputer oleh kerana nature ataupun oleh kerana ciri-ciri tanpa batas mega maya merupakan satu jenayah yang borderless, adakah Yang Berhormat dari Tanjong memikirkan bahawa satu hari akan wujud satu kerangka internasional ataupun satu international framework, dengan izin, di dalam kita menangani jenayah-jenayah siber, sebagaimana kita mempunyai satu framework undang-undang di dalam Undang-undang Laut Antarabangsa (International Law of the Sea). Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau professional hackers adalah diupah oleh syarikat-syarikat untuk mengujikan sistem keselamatan mereka iaitu authorise access dan kita tahu Department of Defence di US adalah satu skuad yang bertujuan khas untuk menguji sistem-sistem komputer di pentadbiran United States. Masalah sekarang ialah bukan professional hackers yang ada diwajibkan untuk menguji sistem-sistem, tetapi a master hackers. Di sini perlulah kita membezakan di antara 'hackers' dan 'crackers', tentu Yang Berhormat Menteri faham sebelum hackers dipolluted supaya ada makna iaitu dengan jenayah, dengan tujuan untuk 'tipu' 'curi' wang hacker yang dahulunya ialah seorang computer virtual, so orang yang mencero bohi sistem komputer untuk tujuan ini ialah 'crackers'.

Mengenai sistem international (treaty international) tentulah kalau tidak ada international treaty, rang undang-undang yang ada di hadapan kita pun tidak boleh dijalankan. Oleh kerana kita ada membincangkan mengenai extra

territorial dan realiti yang lain-lain tanpa satu persetujuan antarabangsa saya percaya Computer Crimes Bill yang kita luluskan tidak akan begitu berkesan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Serius Yang Berhormat, ya.

Yang Berhormat hendak bercakap berkenaan dengan unauthorised access dan bagi hackers yang tidak berniat untuk menceroboh. Kalau tidak dimasukkan mereka ini dikenakan sebagai melakukan satu kesalahan, bermakna mereka ini akan disiasat dan hanya di peringkat siasatan polis sahaja akan menentukan sama ada mereka berniat jahat ataupun tidak. Adakah Yang Berhormat lebih selesa di peringkat siasatan, polis menentukan sama ada mereka berniat jahat ataupun tidak ataupun biar kita serah kepada mahkamah ataupun kita lebih selesa kepada mahkamah untuk menentukan iaitu bahawa mereka tidak mempunyai intention untuk menceroboh dalam soal ini. Sebab itu pada sayalah lebih baik kita masukkan mereka ini sebagai melakukan kesalahan dan dia mempertahankan diri di mahkamah untuk menyatakan bahawa biar dia tidak berniat untuk menceroboh daripada tidak dimasukkan di dalam ini, maka hanya polis sahaja dalam penyiasatan akan menentukan sama ada dia ada intention atau tidak, yang mana lebih baik?

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Apa yang mustahak ialah sama ada Timbalan Menteri boleh terima bahawa satu unauthorise hacking without malice, without damage tidak dianggap sebagai criminal offence, sama ada melalui polis atau mahkamah kita boleh bincang. Itu step yang kedua. Sama ada kita boleh bersetuju, berpendapat bahawa unauthorise access tanpa niat jahat dan tanpa kerugian tidak dianggap sebagai satu kesalahan berjenayah. Bolehkah begitu? Baru kemudian kita

bincang bagaimana cara yang baik beri kuasa kepada pihak polis atau beri kuasa kepada mahkamah. Itu langkah yang kedua. Kita mahu selesai langkah yang pertama dahulu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ianya macam criminal trespassing. Jadi, kalau kita trespass, adakah kita hendak kata bahawa kita ada hak untuk menceroboh tanah orang? Tetapi bila ada trespassing, kita dakwa di mahkamah dahulu dan kita tidak terima trespassing sebagai satu perkara yang boleh diterima. Trespassing tetap trespassing. Begitu jugalah dalam soal pencerobohan, unauthorise access, ia juga merupakan trespassing. Jadi, sebab itu saya kira kita tidak boleh terima sebagai satu perkara yang kita boleh kata 'okay'. Tetapi biar dia menjadi satu kesalahan dan kita bagikan mahkamah untuk memastikan sama ada the intend itu ada ataupun tidak. Itu pandangan sayalah.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak boleh terima first basic serve, prefer second question ialah akademik, bukan? Tetapi trespass, saya mahu cabar konsep itu. Itu satu lagi konsep preIT. Bukan selaras dengan masa cyber space, bukan selaras dengan masa sekarang yang kita ada. Tetapi biar saya teruskan dahulu sebelum saya address the issue of trespass.

Kita juga harus ingat bahawa dengan adanya undang-undang jenayah komputer, tidak dapat dipastikan juga bahawa kita ada keupayaan untuk melaksanakan undang-undang ini dengan berkesan. Kita bukan hanya bercakap tentang masalah luar wilayah sahaja. Walau bagaimanapun, semasa menggubal Akta Jenayah Komputer kita yang pertama ini, rakyat Malaysia harus mengambil peranan yang lebih aktif dalam perbincangan mengenai sama ada kita harus menjenayahkan kesemua insiden akses tanpa kuasa dan sama ada tindakan sebegini adalah seperti, dengan izin, 'taking a sledgehammer to a nut.'

Saya akan mencadangkan secara seriusnya supaya Parlimen mengkaji cara bagaimana negara-negara lain menggubalkan perundangan mereka untuk mengelakkan dari menjenayahkan para peminat komputer muda kita hasil dari pencerobohan kecil yang tidak berniat jahat ataupun tidak mengakibatkan kerosakan.

Para Ahli Parlimen perlu mempertimbangkan sama ada Malaysia harus mengadakan hukuman yang paling berat di dunia bagi kesalahan yang sama yang berlaku di negara-negara lain, di mana seseorang yang didapati bersalah kerana akses bahan-bahan komputer secara tanpa kuasa boleh

dihukum sebanyak RM50,000 atau lima tahun penjara, atau kedua-duanya, ataupun sama ada kita harus menambahkan satu fasal untuk mengecualikan hacker yang mendapat akses ke sesuatu komputer tanpa kuasa yang tidak berniat jahat ataupun tidak mengakibatkan sebarang kerosakan, sepertimana yang berlaku dalam kes TMnet bulan lepas yang sememangnya hanya bertujuan untuk menyerlahkan rasa tidak gembira orang ramai terhadap perkhidmatan Tmnet yang sungguh tidak memuaskan dan juga untuk menunjukkan bahawa sistem keselamatannya adalah sangat mundur.

Di dalam Rang Undang-undang Jenayah Komputer ini, dua hacker TMnet - kalau itu, dua orang berkenaan akan dianggap sebagai penjenayah dan mungkin didakwa sebagai menukarkan isi kandungan atau 'unauthorise modification' sesuatu komputer di bawah seksyen 5 rang undang-undang ini, di mana hukuman maksimumnya adalah denda RM100,000, tujuh tahun penjara atau kedua-duanya, sungguhpun kedua-dua hacker yang berkenaan sebenarnya harus diberi ganjaran, should be rewarded, patut dipuji kerana telah melakukan perkhidmatan awam dengan cuba meningkatkan TMnet supaya memperbaiki perkhidmatan yang sungguh teruk serta menukarkan sikapnya yang tidak 'user friendly.'

Baru-baru ini, 'French Spiderman', Alain Robert telah ditangkap oleh pihak polis kerana cuba memanjat Petronas Twin Towers, iaitu bangunan tertinggi di dunia, pada 20hb. Mac selepas beliau memanjat setinggi 60 tingkat dari 88 tingkat bangunan berkenaan. Bagaimanapun, Kamar Peguam Negara mengambil keputusan tidak mendakwa beliau. Rang Undang-undang Jenayah Komputer ini harus mengadakan satu provisi 'French Spiderman', untuk mengecualikan hacker yang tidak berniat jahat atau jenayah, dan yang dapat membantu menghasilkan sistem keselamatan komputer yang lebih baik dari didakwa.

Undang-undang Jenayah Komputer harus membezakan di antara 'hacking' dan 'cracking'. 'Cracking' merujuk kepada pencerobohan dan perosakan komputer yang berniat jahat dan sengaja, manakala mengikut penjelasan teknologi asal, 'hacker', satu perkataan yang diwujudkan di Massachusetts Institute of Technology (MIT) dalam tahun 1960-an, hanya merujuk kepada pengguna komputer yang virtuoso. Menurut New Hacker's Dictionary edisi 1994, seorang hacker adalah seseorang yang, dengan izin, enjoy exploring the details of programmable systems and how to stretch their capabilities; one who programmes enthusiastically, even obsessively.'

Ada etika hacker sungguhpun tidak ada etika craker. Kalau tidak mahu bezakan he knows into ruffeble, tetapi kalau bezakan, ini kita perlu terima. Etika bagi seorang hacker yang bertanggungjawab termasuk idea-idea yang berikut:

- (i) Tidak membahayakan, meminda atau merosakkan sebarang komputer, perisian, sistem atau mana-mana pihak melalui sebarang cara.
- (ii) Jika berlaku kerosakan, lakukan apa yang perlu untuk memperbetulkan kerosakan tersebut serta mengelakkannya daripada berlaku pada masa akan datang.
- (iii) Tidak membiarkan diri sendiri atau pihak lain mendapat keuntungan, profit, jangan profit yang tidak adil daripada tindakan hack tersebut.
- (iv) Memaklumkan pihak pengurus komputer mengenai kekurangan dalam keselamatan mereka. Ada computer security own maklumkan information security manager.

Golongan perisian yang terbaik di Amerika Syarikat adalah berbangga dengan gelaran 'hackers'. Antara hacker, siapa? Founder Apple, kedua-dua, dahulu hacker. Pihak kerajaan harus mendapatkan bantuan daripada 'computer whizz-kids' yang berupaya mencero bohi menembusi pertahanan keselamatan sebagai kegemaran dan keupayaan memberitahu para pakar bagaimana mereka dapat berbuat demikian, demi memperbaiki sistem keselamatan maklumat tersebut.

Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada mengatakan trespass, saya akan address sebelum mengenai perkara ini. Ini sangat serius, oleh kerana kita menganggap mana boleh penggalakan, trespass datang ke rumah, masuk rumah, itu trespass. Mana boleh benar, tetapi itu a different world kita memasuki nanti.

Rang Undang-undang Jenayah Komputer ini mempunyai satu seksyen yang menjadikan majoriti daripada pengguna komputer di negara ini penjenayah. Ini merujuk kepada seksyen 8 yang mewujudkan satu andaian berkanun bahawa sesiapa yang menjaga atau mengawal sebarang program, data dan maklumat lain di mana beliau tidak diberi kebenaran untuk memilikinya akan dianggap sebagai mendapat akses tanpa kuasa kecuali dibuktikan sebaliknya. Seksyen ini menjadikan majoriti daripada pengguna komputer negara ini, di mana termasuk saya percaya wartawan, pegawai kerajaan, ahli Parlimen, timbalan menteri, menteri-menteri yang menggunakan komputer penjenayah komputer. Semua yang ada komputer sudah menjadi penjenayah komputer di bawah seksyen 8.

Saya ingin bertanya kepada para menteri, timbalan menteri dan ahli-ahli Parlimen yang menggunakan komputer yang mana anak-anak mereka juga menggunakan komputer supaya mengisytiharkan sama ada mereka memiliki sebarang program atau data dalam komputer mereka yang mereka tidak berkuasa memperolehi di mana ia mungkin di 'download' daripada Internet atau diberi oleh kawan, sama ada satu game, satu software, satu program dan sama ada mereka bersedia untuk meluluskan undang-undang yang akan menjenayahkan majoriti daripada pengguna komputer negara ini termasuk diri mereka sendiri serta anak-anak mereka. Adakah kita rela untuk luluskan untuk menjenayahkan kita sendiri menjadi criminal dan anak-anak kita jadi criminal di bawah seksyen 8, with a statutory presumption?

Apa yang saya tidak faham adalah mengapakah Malaysia perlu mewujudkan satu undang-undang jenayah komputer yang menjenayahkan majoriti pengguna komputer negara, sedangkan tiada negara lain setahu saya yang menyatakan jenayah sedemikian dalam undang-undang mereka. Setahu saya tidak ada negara lain yang ada seksyen 8, statutory presumption. Adakah ini untuk attract MSC, orang lebih datang melabur di MSC supaya kita semua menjadi computer criminal. Apa itu tarikan, Yang Berhormat dari Parit Sulong? Adakah beliau sokong seksyen 8 untuk criminalise, termasuk Yang Berhormat dari Parit Sulong. Melainkan kerajaan dapat memberi satu hujah yang kukuh serta meyakinkan mengenai sebab seksyen 8 diperlukan di Malaysia, jika tidak, peruntukan tersebut harus dihapuskan dari rang undang-undang ini.

Sepatutnya terdapat satu perbincangan yang aktif dan berkesan di negara ini demi membincangkan keperluan Malaysia untuk memperkenalkan hukuman yang paling berat di dunia bagi jenayah komputer serta seksyen yang menjenayahkan majoriti pengguna komputer yang seterusnya menjadi satu sekatan dalam usaha meningkatkan kesedaran IT di kalangan rakyat Malaysia. Banyak telah diperkatakan berkenaan tajuk cetak rompak perisian, software piracy, pengeluaran dan pembekalan program komputer yang melanggar hak cipta hasil asal telah dianggarkan menyebabkan kerugian lebih US\$10 bilion di seluruh dunia. Sungguhpun kita tidak harus membiarkan kegiatan cetak rompak perisian berleluasa, kita juga harus melihat masalah ini dari perspektifnya sendiri, iaitu cara untuk menyelaraskan tuntutan daripada pemilik hak cipta dan pengguna yang sah.

Sebagai contoh, pernah dikatakan bahawa bagi setiap jenis komputer game akan wujudnya 13 salinan yang haram. Kalaulah kegiatan cetak rompak perisian ini dapat dihapuskan dalam jangka masa yang pendek, tidak mungkin juga bagi jualan komputer game untuk meningkat secara 13 kali ganda. Malah, boleh dikatakan bahawa dalam suasana di mana perisian yang murah tidak dapat diperolehi, sesetengah pengguna potensi mungkin akan mengambil keputusan untuk tidak membeli komputer.

Bagaimanapun, masalah cetak rompak tidak terhad kepada komputer sahaja, tetapi dalam semua bidang hak cipta. Perkembangan teknologi telah memudahkan pelanggaran hak cipta untuk berlaku. Mesin fotokopi yang sedia wujud telah membolehkan sesiapa pun berpotensi atau benar-benar melanggar hak cipta ke satu tahap yang tidak pernah dibayangkan dua puluh atau sepuluh tahun yang lepas. Adakah sesiapa yang berani berdiri kata dia tidak pernah menggunakan fotokopi untuk melanggar hak cipta sesiapa?

Pada hakikatnya, pengeluar program komputer adalah lebih mudah terdedah kepada masalah cetak rompak daripada pemilik hak cipta yang lain. Peralatan seperti mesin fotostat dan alat rakaman telah digunakan untuk menyalin hasilan yang dilindung hak cipta, dan kualiti salinan itu tidak sebanding dengan hasil ciptaan asal. Tetapi ini tidak sama seperti dalam program komputer yang dalam bentuk digitalnya, setiap salinan, setiap kopi program adalah seiras, as original dengan original. Malah salinan generasi yang lima puluh, fiftieth generation atau hundred generation copy is as original as the original copy. Itulah the meaning of digital. Pada hakikatnya juga, Internet telah digambarkan sebagai mesin salinan yang terbesar di dunia. Internet as been described as a biggest copying machine in the world. Undang-undang hak cipta yang berasaskan kepada sempadan negara tidak lagi relevan dalam dunia Internet yang tidak bersempadan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Lim Kit Siang: Besoklah. Banyak lagi. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

